

Selangor negeri paling demokrasi

2

PKNS bina kuarters pekerja berpusat

5

Lebih 300,000 akaun nikmati air percuma

8

Tiket Piala Sultan Selangor dijual Ogos

6

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 6 - 12 JULAI 2023

www.selangorkini.my

Prestasi ekonomi terbaik sejak 2008

Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar Selangor pada tahun lalu mencapai 25.5 peratus, tertinggi dalam sejarah, manakala nilai pertumbuhan pula sebanyak 11.9 peratus mengatasi 8.7 peratus kadar nasional

MUKA 2

Tawar 20,000 peluang pekerjaan

Program berlangsung di sembilan daerah antara 22 Julai hingga 16 Disember bagi memudahkan orang ramai mencari kerja meliputi pelbagai bidang antaranya pembuatan, pelancongan dan pengangkutan

MUKA 7



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyambut kepulangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dari tanah suci di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 4 Julai 2023. Beliau juga mengiring Baginda ketika berangkat ke Makkah pada 20 Jun. Foto Facebook Amirudin Shari

pancawarna

Rekod sumbangan KDNK tertinggi 25.5 peratus

Bukti pencapaian Menteri Besar lebih baik berbanding pentadbiran lalu

9

Hasil negeri terus melonjak, rakyat kian makmur

Pendapatan Selangor meningkat, pendapatan rakyat bertambah

10

14 petunjuk kejayaan menjelang 2025

Rangka strategi, susun program demi majukan penduduk

14



Tidak jejas pendapatan negeri

KLANG - Jangkaan tempoh pilihan raya negeri (PRN) yang lebih panjang iaitu sekitar Ogos selepas Dewan Negeri Selangor dibubar pada 23 Jun tidak menjejaskan pendapatan negeri.

Justeru, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata lebih 450 kertas kerja diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri baru-baru ini bagi menangani masalah tersebut.

Beliau menjelaskan pentadbiran negeri tidak mahu mengulangi kesilapan pada pilihan raya umum 2018 yang memperoleh hanya RM1.8 bilion berbanding pencapaian biasa RM2.4 bilion.

"Kita sudah atasi sebahagiannya. Kita luluskan lebih 450 kertas kerja. Pengalaman lalu, bila berlaku pilihan raya, kertas kerja lambat (lulus) sebab masa tidak sesuai," katanya pada 26 Jun.

Selangor negeri paling demokrasi

SHAH ALAM - Selangor yang ditadbir Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri paling berdemokrasi berdasarkan kajian gabungan 60 badan bukan kerajaan (NGO).

Ketua CSO Platform for Reform Tharman Pillai berkata Dewan Negeri Selangor (DNS) mencatat 69 peratus diikuti Perak dan Negeri Sembilan, masing-masing 60 peratus dan 54 peratus.

Keputusan menerusi inisiatif badan pemerhati demokrasi itu meletakkan Pahang di tangga keempat (53 peratus) dan Pulau Pinang (52 peratus).

"DUN Selangor menunjukkan prestasi membanggakan dengan memenuhi parameter ditetapkan dan menjadi peneraju seperti peruntukan sama rata untuk pembangunan kawasan pilihan raya.

"Tempoh persidangan DNS juga berjalan paling lama setiap penggal iaitu 22 hari berbanding dewan negeri lain," katanya pada 4 Julai.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Sangkal tohmahan pembangkang

GOMBAK - Nilai pertumbuhan dan sumbangan negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu membuktikan kejayaan pentadbiran Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan angka laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyangkal tuduhan kononnya prestasi ekonomi negeri merosot.

Beliau juga kesal Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Selangor Dato' Seri

Mohamed Azmin Ali tidak jujur ketika mengulas pencapaian ekonomi negeri semata-mata demi kepentingan politik.

"Laporan DOSM membuktikan kita beri sumbangan 25.5 peratus kepada KDNK negara. Ini paling tinggi dalam sejarah sejak 2008.

"Paling dekat 2021, kita sumbang 24.8 peratus. Sebelum ini (zaman Azmin), tidak pernah sampai 24 peratus," katanya pada 28 Jun.

Dalam ceramah baru-baru ini, Azmin

yang juga bekas Dato' Menteri Besar mendakwa pencapaian ekonomi ketika pentadbirannya lebih baik berbanding zaman Amirudin memimpin negeri sejak 2018.

Amirudin, penyandang Dewan Undangan Negeri Sungai Tua, baru-baru ini juga memaklumkan pencapaian terbesar pelaburan negeri adalah RM18 bilion, terbaik dalam tempoh 30 tahun.

Angka itu jauh lebih besar berbanding era Azmin iaitu antara RM5 bilion hingga RM7 bilion.

Turut catat pertumbuhan tertinggi

Sumbangan KDNK terbesar sejak 2008

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Selangor mencatat pertumbuhan tertinggi dan sumbangan terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sejak Pakatan Harapan (HARAPAN) mentadbir negeri mulai 2008.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan sumbangan KDNK tahun lalu iaitu 25.5 peratus melebihi satu perempat ekonomi Malaysia, meningkat 0.7 peratus ber-

banding 2021.

Memetik laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi 2022, beliau berkata nilai pertumbuhan pula 11.9 peratus, bertambah 3.2 peratus berbanding 8.7 peratus kadar nasional.

"Ini pertumbuhan paling tinggi dan sumbangan tertinggi Selangor kepada KDNK negara sejak HARAPAN diberi amanah mentadbir negeri ini pada 2008," katanya dalam kenyataan pada 27 Jun.

Beliau menambah Selangor satu daripada empat negeri yang mencatat

pertumbuhan melebihi paras nasional selain Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Pahang.

Katanya, sektor pembuatan menyumbang satu pertiga industri pembuatan, meningkat sembilan peratus manakala pembinaan melebihi satu pertiga di seluruh negara atau 34.1 peratus.

"Sektor perkhidmatan Selangor pula terus rancak dan mencatatkan pertumbuhan paling tinggi berbanding mana-mana negeri iaitu sebanyak 13.6 peratus pada tahun 2022," katanya.

Kejayaan hasil kerja berpasukan

SHAH ALAM - Pengiktirafan terhadap prestasi terbaik ekonomi negeri sejak 2008 hasil kerja berpasukan termasuk EXCO dan penjawat awam, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Katanya, kejayaan tersebut dicapai melalui ketekunan dan perancangan bersama hingga meletak Selangor sebagai enjin ekonomi negara seterusnya menjadi negeri terunggul di Asia Tenggara.

"Saya mengucapkan sekalung tahni-

ah kepada setiap individu yang memainkan peranan yang begitu penting bagi merealisasikan kejayaan ini.

"(Saya) yakin bahawa era kegemilangan Selangor hanya dapat diteruskan apabila pentadbiran ini diamanahkan mandat baharu dalam pilihan raya negeri akan datang," katanya pada 27 Jun.

Amirudin dalam kenyataan juga menjelaskan pencapaian itu menjamin kemakmuran negeri sebagai gedung ekonomi Malaysia dan menjadi paksi

kestabilan pentadbiran serta kesejahteraan rakyat.

Beliau menambah kejayaan tersebut turut membuktikan keyakinan masyarakat pelabur dalam dan luar negara terhadap pentadbiran negeri paling maju di Malaysia itu secara telus dan adil.

Katanya, hasil usaha pentadbiran negeri memudahkan cara urusan perniagaan membantu penduduk Selangor untuk terus mempunyai peluang pekerjaan bergaji tinggi.

PKNS pemangkin ekonomi negeri

KLANG - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) diunjur mencapai keuntungan operasi ketara pada tahun ini sekali gus menjadi pemangkin ekonomi negeri.

Dato' Menteri Besar berkata perkembangan itu memudahkan pembangunan projek perumahan dan bandar baharu termasuk kuarters pekerja berpusat (CLQ) di beberapa kawasan yang dikenal pasti.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan keuntungan konsisten perba-

danan tersebut turut mewujudkan peluang kerja selain menyokong pelbagai sektor ekonomi.

"Memandangkan PKNS terlibat dalam pembinaan, hartanah dan aktiviti berkaitan keuntungannya merangsang pertumbuhan sektor-sektor ini.

"Pembangunan hartanah kediaman dan komersial baharu juga meningkatkan sektor hartanah, menarik pelaburan serta memacu aktiviti ekonomi," katanya pada 26 Jun.

Beliau menambah Kerajaan Negeri

ada perancangan 15 tahun untuk PKNS meneruskan peranan sebagai penyumbang dan pemangkin ekonomi Selangor.

Amirudin berkata pelan jangka panjang itu mencerminkan komitmen bagi memastikan pertumbuhan dan pembangunan berterusan di negeri ini.

"Perspektif jangka panjang ini membolehkan PKNS merancang dan melaksanakan inisiatif mampan yang akan menyumbang kepada kemajuan negeri berterusan dalam dekad akan datang," katanya.



Pelbagai PILIHAN, Nilai HEBAT

TAWARAN BESAR

ORANGE DAY

Big BIG DEALS

Istimewa Satu Hari hanya di:
AEON BiG Subang Jaya | 8 Julai 2023



JIMAT 67%
CENTURY
Kotak Simpanan 7885SC 32L
Saiz (CM):
L56.5 x W35 x H22.5
Harga Biasa: RM29.90
RM9.90/unit
*Terhad 1000 unit sahaja



JIMAT 48%
TEFAL
Blendeo Uno 2
BL2B01
Harga Biasa: RM139.00
RM72.90/unit
*Terhad 50 unit sahaja.
1 unit setiap pelanggan.



JIMAT 35%
TOP
Cecair Detergen
3.6kg - 3.8kg
(Pelbagai Jenis)
Harga Biasa: RM27.50
RM17.99/botol
*Terhad 600 unit sahaja.
3 botol setiap pelanggan.



JIMAT 40%
Udang Sederhana L
Harga Biasa: RM3.29/100g
RM1.99/100g
*Terhad 2kg setiap pelanggan



JIMAT 67%
Bawang Merah
Harga Biasa: RM0.30/100g
RM0.10/100g
*Terhad 2kg setiap pelanggan



MAGGI
Mi Segera 5 x 77g - 79g
(Kari / Ayam)
Harga Biasa: RM5.65
RM3.99/pek
*Had 4 pek setiap pelanggan



JULIE'S
Love Letter
705g (Pelbagai Variasi)
Harga Biasa: RM22.30
RM14.99/unit
*Had 6 unit setiap pelanggan



JULIE'S
Love Letter
705g (Pelbagai Variasi)
Harga Biasa: RM22.30
RM14.99/unit
*Had 6 unit setiap pelanggan



RIINO
Vakum Tanpa Wayar
R7-BR7703L4 120W
Harga Biasa: RM499
RM179/unit



DARLIE
Ubat Gigi Double Action
2 x 180g - 225g
(Pelbagai Variasi)
Harga Biasa: RM24.60
RM16.99/unit



Baju Tee Wanita
Bercorak
(Pelbagai Jenis)
Harga Biasa: RM15.00
RM10.90/helai



Seluar Jeans
Wanita
(Pelbagai Jenis)
Harga Biasa: RM49.00
RM29.90/unit



BH
Tuala Mandi CB-6125
(Pelbagai Warna)
Harga Biasa: RM15.00
RM10/unit



Kombo 2 dalam 1
UNITED POLO
Bagasi Keras
ABS 20" + 24" 8222/8221
Harga Biasa: RM279.00
RM189/combo



Tanah Sukatani
Beli 1q RM5
Tawaran Kombo
Beli 3q RM10



SHARP
Mesin Basuh
F/A Holeless
ESW1009S 10kg
Harga Biasa: RM1799
RM1049/unit
*Had 1 unit setiap pelanggan

PROMOSI MENARIK
untuk pelanggan
yang kami hargai!

1 PERCUMA* BEG GOODIE*

2 PERCUMA* Hadiah Misteri jika anda pakai warna Oren

3 PERCUMA* RM10 AEON BiG GIFT CARD dengan pembelian minimum sebanyak RM100*

*TERHAD UNTUK
100 PELANGGAN
PERTAMA SAHAJA

1. Semua harga barangan adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. 2. Semua maklumat dan harga yang terdapat di dalam cetakan ini adalah tepat pada waktu cetakan tetapi tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu. 3. Cetakan ini telah diusahakan dengan rapi dan ketelitian telah diambil sepanjang proses pengeluaran. Sebarang maklumat yang tidak tepat yang tidak disengajakan adalah amat dikesali dan AEON Co. (M) Bhd. (126926-H) & AEON BiG (M) Sdn Bhd (242659-T) tidak bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut. 4. Pihak kami berhak menghadkan kuantiti barangan untuk jualan dan pihak kami juga berhak untuk tidak menjual mana-mana barangan kepada pemborong berdasarkan pertimbangan kami. 5. Pihak kami berhak untuk tidak menjual mana-mana barangan dengan barangan pemborong berdasarkan pertimbangan kami. 6. Pihak kami berhak menukar mana-mana barangan dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang sama berdasarkan stok yang masih ada. 7. Tawaran sah sementara stok masih ada.

aeonbig.com.my



Ikuti Kami @ Facebook MYAEONBIG,
Instagram @myaeonbig
dan TikTok @myaeonbigofficial

Selesai 100 projek terbengkalai

AMPANG JAYA - Hampir 100 projek permasalahan termasuk perumahan terbengkalai berjaya diselesaikan sepanjang 15 tahun Pakatan Harapan mentadbir Selangor.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail menjelaskan isu hak milik strata dan milikan tanah juga diberi tumpuan untuk membantu rakyat negeri ini mendapatkan hak mereka.

Beliau menambah hanya satu daripada lapan projek tumpuan termasuk projek terbengkalai selama 22 tahun diselesaikan sepanjang tahun lalu masih dalam proses pemulihan.

"Jika diberi mandat lagi, lebih banyak perancangan yang kita mahu selesaikan dan tambah lagi agenda atau inisiatif terbaik untuk rakyat Selangor," katanya pada 27 Julai.

Justeru, beliau mengajak seluruh lapisan rakyat untuk menilai rekod pencapaian pentadbiran negeri sejak 2008 dan terus menzahir sokongan dalam pilihan raya negeri kelak.

3,000 orang sertai saringan percuma

SHAH ALAM - Seramai 3,489 individu menyertai pemeriksaan kesihatan percuma, kata EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud.

Beliau menjelaskan mereka mengikuti program berkenaan dalam fasa satu dan dua program Selangor Saring sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

"Fasa dua baharu selesai (18 Jun). Berdasarkan data, peserta wanita lebih ramai memeriksa kesihatan mereka berbanding lelaki.

"Dari aspek peringkat umur, golongan berusia antara 30 tahun hingga 45 tahun juga ramai mendaftar untuk mengesan penyakit lebih awal," katanya pada 26 Jun.

Dr Siti Mariah berkata program tersebut disambung dalam masa terdekat yang dikendalikan badan bukan kerajaan (NGO), badan pengurusan bersama (JMB) atau agensi tertentu.

"Jadi, kita minta penduduk memanfaatkan peluang untuk memeriksa kesihatan diri. Jangan lepaskan peluang lakukan saringan kesihatan percuma ini," katanya.

Selangor Saring diperkenal tahun lalu bagi menjaga kesihatan selain membantu penduduk mengesan penyakit lebih awal dengan kos RM3.4 juta ditanggung Kerajaan Negeri.

Persekitaran selesa rawat sakit mental

SHAH ALAM - Selangor menyediakan ekosistem lengkap bagi rawatan berkaitan kesihatan mental, kata EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud.

Katanya, mereka boleh membuat saringan sendiri menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi mengesan tanda sama ada mereka kemurungan, kerisauan, keresahan atau tekanan.

Beliau menjelaskan individu yang



ada isu sedemikian dibantu melalui Program Selangor Mental Sihat (SEHAT) dan saringan awal boleh menentukan tahap kesihatan mental mereka.

"Kita sediakan program pendidikan melalui akses 60 video berkaitan kesihatan mental. Jika ada tanda keinginan bunuh diri, pengguna dihubungkan kepada kaunselor," katanya pada 1 Julai.

Dr Siti Mariah dalam program Selamat Pagi Malaysia menambah kira-kira

200 kes hasil saringan menerusi lima sesi rawatan dikendalikan bersama pakar psikologi klinikal atau psikiatri.

"Saya harap ekosistem ini diteruskan kerana ia membantu mereka yang ada cabaran kesihatan mental," katanya sambil menegaskan pendekatan mencegah diamal bagi menangani isu tersebut.

Selain sakit mental, Selangor turut menawarkan saringan awal percuma untuk gejala barah dan penyakit tidak berjangkit seperti jantung, buah pinggang, darah tinggi serta kencing manis.

Selangor sumbang ekonomi terbesar

Kekal kerajaan untuk jayakan RS-1

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

AMPANG JAYA - Pentadbiran sedia ada perlu dipertahan dalam pilihan raya negeri (PRN) bagi memastikan pelan yang diatur menerusi Rancangan Selangor Pertama (RS-1) berjalan lancar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata RS-1 yang menjadi kerangka pembangunan lima tahun memuatkan pelbagai agenda demi kesejahteraan dan pengukuhan ekonomi penduduk.

"Pilihan raya negeri yang bakal ber-

langsung memberi kekuatan baharu untuk kita kumpul tekad dan iltizam supaya dapat teruskan apa yang direncanakan termasuk beberapa pelan dalam RS-1.

"Sepanjang pentadbiran, kita berjaya kekang dan serap segala masalah di sekeliling. Prestasi ini memastikan Selangor menyumbang ekonomi terbesar negara," katanya pada 1 Julai.

Amirudin yang juga ahli parlimen Gombak menjelaskan Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkan ekonomi rakyat.

Menjelaskan usaha pemulihan giat

dibuat termasuk mengatasi isu kekurangan bekalan, beliau berkata kerajaan persekutuan membenteng pelan ekonomi menyeluruh pada akhir bulan atau awal Ogos.

"Selepas ini, kerajaan cuba atasi isu kawalan harga supaya rakyat tidak terbeban. Dalam lima ke enam bulan lagi dapat lihat situasi lebih baik untuk dinikmati rakyat," kata beliau.

DNS dibubar pada 23 Jun seterusnya membuka laluan kepada pilihan raya negeri. Selangor antara enam negeri yang mengadakan PRN selain Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Biaya yuran 1,817 pelajar IPT

SHAH ALAM - Lebih RM7.6 juta dibelanjakan sejak 2013 bagi membantu pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi di negeri ini.

EXCO Kerajaan Prihatin V Ganabati-rau menjelaskan skim Bantuan Yuran IPT Bagi Pelajar Komuniti India dari keluarga berpendapatan rendah (B40) membantu seramai 1,817 pelajar pada tahun ini.

"Kita tidak mahu mereka terlepas peluang belajar ke peringkat tinggi diseb-

babkan isu kewangan. Sebab itu, kita bantu seramai mungkin supaya mereka tidak tercicir," katanya pada 28 Jun.

Menjelaskan skim itu layak dimohon pelajar yang menyambung pengajian peringkat diploma dan ijazah, beliau berkata hampir RM2 juta diperuntuk kepada 502 pelajar pada tahun ini.

"Bantuan diserahkan berperingkat dengan kumpulan pertama terima minggu lalu (24 Jun) diikuti Julai dan Ogos," katanya.

Untuk pengajian diploma, pelajar menerima bantuan sehingga RM3,000 manakala peringkat ijazah (RM5,000). Bantuan terus dikredit kepada pengu-rusan IPT.

Dalam Belanjawan negeri 2023, Selangor turut menyediakan RM4 juta untuk Bantuan Yuran Asas Universiti (BAYU) yang memberi manfaat kepada 4,000 mahasiswa Universiti Selangor (Unisel) dan Universiti Islam Selangor (UIS).

WAKTU SOLAT

6-12 JULAI 2023
17-23 ZULHIJAH 1444

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:46	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
07 Jumaat	5:46	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
08 Sabtu	5:46	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
09 Ahad	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
10 Isnin	5:47	5:57	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
11 Selasa	5:47	5:57	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
12 Rabu	5:47	5:57	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:46	5:56	7:09	1:21	4:47	7:30	8:45
	5:47	5:57	7:09	1:21	4:47	7:30	8:45
	5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
	5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
	5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
	5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
	5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:47	5:57	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47
	5:47	5:57	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47
	5:47	5:57	7:10	1:23	4:49	7:32	8:47
	5:47	5:57	7:10	1:24	4:49	7:32	8:47
	5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:32	8:47
	5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:47
	5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48



Amirudin (kiri) mendengar penerangan Mahmud selepas merasmikan majlis pecah tanah Laman Lestari di Bandar Sultan Suleiman, Klang pada 26 Jun. Turut hadir EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han (dua, kiri). Foto RADIN WAZIR

Atasi isu pekerja tinggal berselerak

PKNS bangun kuarters berpusat

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

KLANG - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membangunkan kuarters pekerja berpusat (CLQ) di Bandar Sultan Suleiman di sini membabitkan kos keseluruhan RM120 juta.

Dijangka bermula selewat-lewatnya hujung tahun ini, projek pembangunan Laman Lestari atas tanah seluas 4.35 ekar mampu memuatkan 5,712 pekerja tempatan dan asing di 336 unit kuarters.

Ketua pegawai eksekutifnya ber-

kata pembinaan yang mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan bertujuan memupuk persekitaran hidup bermutu kepada pekerja di negeri ini.

Dato' Mahmud Abbas menjelaskan usaha itu juga bagi menangani isu pekerja di kawasan tersebut, yang tinggal berselerak di pangsapuri berhampiran berikutan tiada penginapan khusus.

"Pembangunan CLQ memenuhi keperluan pekerja industri di kawasan ini, yang menjadi aset kepada pembangunan industri di Selangor," katanya dalam majlis pecah tanah di sini pada 26 Jun.

Pelancaran disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang turut menyaksikan memorandum persefahaman dimeterai antara Inter Great Sdn Bhd dan PKNS FM Integrated Sdn Bhd bagi projek itu.

Setiap unit CLQ dilengkapi tiga bilik tidur, satu bilik air dan tempat makan khusus, yang akan disewakan kepada pekerja dengan anggaran yuran bulanan RM350 seorang.

Kemudahan asas lain antaranya perabot, lampu, kipas, dapur elektrik, meja, kerusi, katil, tilam, bantal dan almari berkunci selain medan selera, surau serta ruang terbuka.

Yuran RM350, mudahkan majikan

KLANG - Kuarters pekerja berpusat (CLQ) yang dibangunkan di Bandar Sultan Suleiman di sini mengenakan yuran bulanan sekitar RM350 seorang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata tiap unit dilengkapi tiga bilik tidur, satu bilik air dan tempat makan untuk pekerja industri baik rakyat tempatan mahupun warga asing.

"Bayaran itu terpulang tetapi biasanya kita berurusan dengan syarikat

sebab syarikat pegang permit pekerja. Tambahan pula, permohonan untuk dapat pekerja asing dimohon oleh syarikat.

"Syarikat juga mudah kawal pekerja mereka sekiranya tidak datang kerja, sakit atau ada masalah. Jadi, mereka boleh tahu di mana pekerja itu tinggal," katanya pada 26 Jun.

Beliau turut menyaksikan peme- teraian memorandum persefahaman (MoU) antara Inter Great Sdn Bhd dan

PKNS FM Integrated Sdn Bhd bagi pelaksanaan projek tersebut.

Amirudin turut mengingatkan kontraktor untuk melaksanakan pembinaan CLQ yang diinspirasi dari Dubai dan Singapura itu dibuat mengikut jadual serta mematuhi spesifikasi.

"Insya-Allah setiap tugas diamanahkan dapat diselesaikan dengan sempurna sekiranya dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab dan nilai integriti yang tinggi," katanya lagi.

Bina lebih banyak penempatan kerja

KLANG - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mahu meneroka potensi kerjasama dengan Kumpulan Inter Great Sdn Bhd untuk membangunkan lebih banyak penempatan pekerja.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mahmud Abbas berkata usahasama dengan syarikat penyedia pekerja asing itu melibatkan pembangunan plot tanah perindustrian bernilai kira-kira RM1 bilion mengikut pasaran semasa.

"Projek masa depan ini menyediakan lebih 50,000 katil di pelbagai lokasi termasuk Shah Alam, Kota Puteri, Selangor Cyber Valley, Taman Industri Hijau Kota Puteri dan Pelabuhan Klang.

"Pekerja asing memainkan peranan penting dalam pembangunan Malaysia selama beberapa dekad. Kita lihat keperluan menawarkan penginapan dan kemudahan selesa untuk meningkatkan kebajikan pekerja," katanya pada 26 Jun.

Agensi boleh anjur Selangor Saring

SHAH ALAM - Agensi atau badan kerajaan boleh menganjurkan pemeriksaan percuma terhadap kakitangan masing-masing bagi mengetahui tahap kesihatan mereka menerusi Selangor Saring.

Ahli penasihat kesihatan awam negeri berkata program itu kini ditawarkan kepada kumpulan terbabit selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan pengurusan bersama (JMB).

"Program ini tidak melibatkan wakil rakyat. Ia diteruskan dengan kerjasama agensi kerajaan atau pihak tertentu memandangkan manfaatnya besar.

"Oleh itu, mana-mana agensi disarankan menghubungi Selcare selaku pengendali program untuk memudahkan kakitangan mengesan penyakit lebih awal," kata Dr Mohammad Farhan Rusli pada 4 Julai.

Kaedah bantu bayar pinjaman

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) mengadakan pelan pemulihan kredit bagi memudahkan usahawan yang membuat pinjaman perniagaan untuk membuat bayaran balik.

Penolong Pengurus Kanan Operasinya Muhammad Hafizi Jamaludin menjelaskan mereka boleh berurusan dengan pegawai cawangan berhampiran antara 1 Januari hingga 18 Disember.

Menjelaskan peniaga berpeluang menang hadiah misteri bernilai RM20,000, beliau menggalakkan usahawan yang sukar membayar balik mengikut jadual untuk menyertai pelan pemulihan tersebut.

"Melalui kaedah ini, bayaran balik pinjaman mingguan boleh dikurangkan mengikut kemampuan mereka," katanya ketika dihubungi pada 4 Julai.

Tidak timbul isu kurang bekalan

GOMBAK - Keberkesanan Kerajaan Perpaduan terbukti berikutan tidak timbul isu kekurangan bekalan makanan ketika sambutan Aidilfitri dan Aidiladha seperti tahun-tahun sebelumnya.

Ahli Parlimen Gombak Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan pemimpin bekerja keras bagi memulih keadaan dan negara berada landasan yang betul dalam melaksanakan proses pemulihan.

"Kita pastikan bekalan cukup walaupun dari segi harga masih dalam proses untuk selesai," kata Dato' Menteri Besar itu pada 2 Julai.

Beliau yang juga pengerusi Pakatan Harapan negeri menambah banyak perubahan berlaku walaupun pemimpin peringkat persekutuan baharu tujuh bulan mengambil alih tampuk kepimpinan negara.

Tiket Piala Sultan Selangor dijual Ogos

SHAH ALAM - Tiket aksi Piala Sultan Selangor (TSSC) edisi ke-19 yang kembali dianjurkan selepas tiga tahun ditangguh dijual pada akhir Ogos ini.

Pengerusi dan Pengurus Pasukan Tan Sri Abd Karim Munisar berkata peminat boleh membeli tiket pada harga RM10 bagi menyaksikan perlawanan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 28 Oktober depan, lapor Bernama.

"Kita menjual tiket dengan harga murah dan penonton berpeluang mendapat cabutan bertuah. Seperti sebelum ini ada hadiah kereta, motosikal dan penginapan.

"Kita menyasarkan 70,000 penonton akan memenuhi stadium menyaksikan perlawanan itu," katanya pada 4 Julai.

Beliau berkata pihaknya akan memastikan stadium yang sedang dibaik pulih dengan kerja penggantian rumput itu siap sebelum kejohanan.

Buka kaunter insentif haji

SHAH ALAM - Kaunter permohonan Insentif Haji Muassasah kepada jemaah negeri ini dibuka setiap Isnin dan Selasa mulai 10 Julai, menurut Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor berkata permohonan boleh dihantar ke Café LG, Bangunan Darul Ehsan antara jam 10 pagi hingga 1 petang.

Beliau menambah dokumen diperlukan ialah salinan kad pengenalan beserta surat tawaran mengerjakan Haji Muassasah 1444H/2023M yang menyatakan bayaran dan jadual penerbangan lengkap.

Tarikh akhir permohonan ialah 29 Ogos. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 03-5513 8898 (CSR) atau emel csr@mbiselangor.com.my

Pergiat sektor pelancongan agro

KUALA SELANGOR - Pelancongan agro berpotensi besar melonjak kehadiran pelancong dalam dan luar negara ke Selangor berikutan ia memiliki daya tarikan tersendiri.

Memberi contoh Selangor Fruits Valley (SFV), EXCO Pelancongan Hee Loy Sian berkata SFV unik kerana ada tanaman pelbagai buah-buahan tempatan selain kegiatan yang digemari pelancong.

"Saya akan bincang dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan kerjasama dengan Tourism Selangor mungkin boleh diwujudkan hotel (penginapan) di SFV," katanya pada 28 Jun.

Mengulas kejayaan mengekal rekod nombor satu bilangan kedatangan pelancong domestik, beliau berkata ia hasil kempen "Nak Bercuti? Jom Pusing Selangor Dulu!" sejak tiga tahun lepas.

"Daerah tumpuan pelancongan domestik adalah di Petaling Jaya, Subang Jaya, Sepang dan Kuala Selangor," katanya sambil menambah Selangor juga tumpuan sektor perindustrian dan pelaburan.

Selangor mencatat 22 juta kehadiran domestik sepanjang tahun lalu, mengatasi Kuala Lumpur dengan 16.9 juta diikuti Sarawak (15.5 juta), Perak (14.6 juta) dan Pahang (13.2 juta).

Bantu 10,000 pelajar duduki peperiksaan

Lanjut masa daftar sekolah agama

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Tempoh pendaftaran 55 sekolah agama persendirian di Selangor dilanjutkan hingga sekurang-kurangnya tahun depan, kata EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Katanya, lanjutan itu membantu kira-kira 10,000 pelajar untuk menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) pada November dan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) Januari tahun depan.

"Peperiksaan dijangka bermula No-

vember sehingga Januari hadapan. Kita akan tengok tempoh yang diperlukan dan lihat semula keperluan untuk proses pendaftaran," katanya selepas bertemu Gabungan Sekolah Islam Selangor (Gasis) di sini pada 27 Jun.



Mohd Zawawi menjelaskan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj menitik berat isu keselamatan pelajar tahfiz dan sekolah agama di negeri ini.

Beliau juga menegaskan Kerajaan Negeri tidak memandang mudah dalam isu peraturan terhadap pengendali pusat pendidikan berikutan

ada tragedi yang meragut 23 nyawa murid pada 2017.

"Soal keselamatan ini menjadi perkara asas. Kita tidak mahu dilihat sambil lewa, sedangkan kita ada peraturan untuk pastikan keselamatan persekitaran," katanya.

Pada September 2017, seramai 23 penghuni Pusat Tahfiz Darul Quran Itti-faqiyah, Datuk Keramat, Kuala Lumpur maut dalam kebakaran asrama tiga tingkat di premis tersebut.

Justeru, Sultan Selangor pada tahun berikutnya menitahkan garis panduan semua pusat tahfiz ditambah baik termasuk membuat garis panduan baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan.

Pengusaha hargai kelonggaran

SHAH ALAM - Gabungan Sekolah Islam Selangor (Gasis) menghargai usaha Kerajaan Negeri yang memberi kelonggaran operasi kepada 55 sekolah agama persendirian.

Pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) itu Noor Azlida Husein berkata keputusan tersebut melegakan pengusaha institusi yang belum memperoleh kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya rakam penghargaan kepada

EXCO kerana beri penyelesaian yang menyenangkan hati. Semua ahli pastinya gembira dengan keputusan ini.

"Ia juga beri kelegaan apabila anak-anak kami dapat menduduki peperiksaan dengan tenang. Jutaan terima kasih kerana melegakan hati kami semua," katanya pada 27 Jun.

Terdahulu, NGO berkenaan mengadakan pertemuan bersama EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni di bangunan pentadbiran

negeri di sini.

Noor Azlida juga gembira kerana institusi tersebut juga boleh memohon bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Pendidikan.

"Jutaan terima kasih kerana melegakan hati kami. Keputusan ini pastinya membantu kami yang gusar mengenangkan sekolah yang kami bangukan," katanya.

Bina 52,211 rumah mampu milik

SHAH ALAM - Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri, membangunkan 52,211 unit rumah mampu milik bagi manfaat penduduk setakat 15 Jun.

Penolong Pengarah Kanannya Mohd Faizal Abd Kadir memaklumkan sebanyak 34,190 unit telah diserahkan kepada pembeli yang layak manakala bakinya dalam pembinaan.

"Kejayaan membangunkan banyak unit rumah mampu milik sehingga mencapai sasaran awal 30,000 unit terbukti hasil kerjasama LPHS dan pemaju perumahan.

"Oleh itu, sasaran 30,000 unit rumah dibina tahun ini ditingkat kepada 60,000 unit pada 2025," katanya pada 27 Jun.

Beliau memaklumkan sebanyak 175,486 unit rumah dalam proses pe-

rancangan pembinaan dan menunggu kelulusan pembangunan oleh jabatan dan agensi teknikal negeri.

Diperkenal sejak 2014, Rumah Selangorku disasar untuk penduduk berpendapatan rendah dan sederhana dengan harga jualan tidak lebih RM250,000.

Semakan syarat kelayakan dan permohonan boleh dibuat melalui pautan www.rumahselangorku.app/



CERIA... Penduduk membeli barangan keperluan ketika Jualan Ehsan Rahmah Parlimen Hulu Selangor di Dataran Niaga Serendah, Rawang pada 25 Jun. Foto AFENDI MOHAMED ▶ BERITA MUKA 8

Tawar tarikan baharu

Sasar kehadiran 25 juta pelancong

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KUALA LANGAT - Bilangan kedatangan pelancong di Selangor dijangka meningkat melebihi 25 juta pada tahun ini, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan pertambahan daripada 22 juta pelancong yang direkod sepanjang tahun lalu berikutan adanya tarikan baharu dalam industri pelancongan negeri.

"Tahun 2022 merupakan lonjakan dalam industri pelancongan kerana

kita ada pelbagai tarikan seperti taman tema di Bangi, Shah Alam dan Sunway Lagoon khususnya.

"Dengan kepelbagaian ini, saya yakin jumlah pelancong mencapai lebih 25 juta pada tahun ini berbanding tahun lalu 22 juta pelancong domestik dan 3.2 juta pula antarabangsa," katanya.

Terdahulu, Amirudin merasmikan Taman Tema Air SplashMania berkeluasan 6.47 hektar yang dibina Gamuda Land dan menawarkan 39 permainan termasuk 24 gelongsor di sini pada 2 Julai.

"Ini adalah keseimbangan yang kita mahu di selatan Selangor dan permu-

laan baik untuk pembangunan.

"Ia sekali gus mampu memberi lonjakan ekonomi, penambahan pendapatan, peluang pekerjaan dan pelaburan," katanya.

Pengerusi Gamuda Berhad Tan Sri Ambrin Buang pula menjelaskan taman tema air tersebut menerima 75,000 pelawat setiap bulan sejak dilancar pada Februari.

"Pelancaran ini menandakan taman tema air ini beroperasi pada kapasiti penuh dan satu-satunya di Malaysia yang menawarkan gelongsor realiti maya," katanya.

Tawar 20,000 peluang kerja

SHAH ALAM - Sebanyak 20,000 peluang pekerjaan ditawarkan kepada orang ramai melalui Jelajah JobCare membabitkan sembilan daerah antara 22 Julai hingga 16 Disember.

Ketua penyelar Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor memaklumkan inisiatif bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bakal disertai 120 syarikat tempatan pelbagai sektor.

"Setiap daerah menawarkan antara 1,000 hingga 1,500 peluang kerja yang boleh dimohon meliputi bidang pembuatan, pelancongan, pengangkutan

dan sebagainya.

"Kali ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut ditampilkan di setiap daerah bagi membantu orang ramai berurusan dengan pihak terbabit," kata Vijayan Subramaniam pada 3 Julai.

Beliau berkata hebahan jelajah itu dibuat melalui ketua kampung dan ahli majlis selain sistem Skim Insurans Pekerja bawah Perkeso bagi memastikan maklumat sampai kepada golongan sasar.

"Orang ramai khususnya pencari kerja dan penganggur diseru tidak melepas-

kan peluang ini. Mereka harus membawa dokumen lengkap untuk sesi temu duga dan berpakaian sopan," katanya.

Berikut lokasi dan tarikh jelajah:

- Hulu Selangor – 22 Julai
- Petaling Jaya – 12 Ogos
- Klang – 26 Ogos
- Gombak – 9 September
- Sepang – 30 September
- Kuala Langat – 28 Oktober
- Hulu Langat – 4 November
- Kuala Selangor – 2 Disember
- Sabak Bernam – 16 Disember

892 orang berjaya dapat kerja

SHAH ALAM - Seramai 892 peserta mendapat pekerjaan melalui Jelajah JobCare anjuran Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) melibatkan sembilan lokasi tahun lalu.

Ketua Penyelarasnya Vijayan Subramaniam menyifatkan angka itu petanda positif dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran di Selangor yang kini mencatat 2.6 peratus.

Beliau menambah antara 90 hingga 100 individu di setiap daerah ditawarkan kerja dalam pelbagai bidang dalam program sama pada tahun lalu.

"Kita mengangap siri pertama tahun lalu berjaya, apatah lagi ramai sukar mencari kerja waktu itu. Kita harap angka itu bertambah menerusi penganjuran sama tidak lama lagi," katanya.

Vijayan berkata program sedemikian bertujuan membantu pencari kerja sekali gus mengekal kadar pengangguran di Selangor bawah tiga peratus.

Periksa keselamatan empangan

SHAH ALAM - Empangan Sungai Tinggi dan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai, Sungai Labu diperiksa bagi memastikan kedua-dua struktur berkenaan dalam keadaan baik.

Pemeriksaan keselamatan dibuat Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bersama Seksyen Pemantauan Keselamatan Infrastruktur Air, Bahagian Bekalan Air bawah Kementerian Sumber Asli pada 3 Julai.

Menurut Facebook LUAS, pemeriksaan meliputi struktur, hidrologi, instrumentasi, dokumentasi, geologi dan kawasan keliling takungan dan keselamatan mekanikal serta elektrik empangan.

"Melalui pemeriksaan keselamatan ini, ia dapat membantu proses penambahbaikan keadaan dan struktur empangan bagi memastikannya berada dalam keadaan baik," kata agensi itu.

Teruskan projek turap jalan mega

SHAH ALAM - Syarikat penyelenggara jalan negeri, Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) meneruskan kerja turapan jalan besar-besaran sekitar Rawang, Subang Jaya dan Petaling Jaya mulai 20 Jun.

Kerja membaik pulih jalan menggunakan kaedah 'mill and pave' (membuang lapisan turapan rosak dan mengganti dengan lapisan baharu) itu sebahagian daripada Projek Turapan Mega.

"Infrasel sedang melaksanakan kerja baik pulih jalan melalui kaedah 'mill and pave' di Jalan Tasik Puteri, Bandar Tasik Puteri, Rawang.

"Turut dilaksana kerja baik pulih menggunakan kaedah sama ialah di Jalan Persiaran Puchong Permai, Subang Jaya dan Jalan PJS 1/25, Petaling Jaya," kata kenyataan di Twitter.

Pertimbang wujud kedai mini

AMPANG JAYA - Cadangan untuk mewujudkan kedai mini yang menawarkan barangan keperluan asas pada harga murah di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dipertimbang.

EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail berkata kedai berkenaan menempatkan pelbagai produk Jualan Ehsan Rahmah antaranya ayam, daging, telur dan barangan kering.

"Mungkin kita akan wujudkan kedai mini di setiap DUN selepas ini. Di Ampang juga, saya telah mohon untuk diwujudkan kedai ini," katanya yang juga ahli parlimen Ampang pada 27 Jun.

Beliau menambah program jualan murah kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor tetap berjalan walaupun Dewan Negeri Selangor dibubar mulai 23 Jun.

"Kita masih ada kerajaan sementara, peruntukan yang diluluskan untuk program ini masih berbaki RM12 juta, jadi tiada masalah untuk kita teruskan," katanya lagi.

20,000 penduduk terima manfaat JER

KLANG - Program Jelajah Ehsan Rahmah (JER) yang berlangsung di 50 lokasi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sementara memanfaatkan lebih 20,000 penduduk.

Pegawai Khas Penyelaras Suzila Hanim Salleh berkata angka itu direkod menerusi penganjuran jualan murah sejak Disember lalu hingga 3 Julai.

Katanya, kebanyakan pengunjung berpuas hati dengan inisiatif Kerajaan Negeri membantu meringankan beban mereka dan mahu program berkenaan diteruskan.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan malah ramai penduduk mahu inisiatif JER diteruskan terutama dalam kalangan B40," katanya.

Teruskan program jualan murah

KAJANG - Program jualan murah barangan asas perlu diteruskan dalam tempoh lebih panjang berikutan ia terbukti memanfaatkan orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah (B40).

Penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Ramal berkata Jualan Ehsan Rahmah mengurangkan beban penduduk berikutan kenaikan harga barang dan kesan inflasi.

"Demi memastikan rakyat tidak terbeban kenaikan harga barangan, program ini perlu diteruskan dengan kerjasama kerajaan persekutuan dengan suntikan dana lebih tinggi.

"Saya percaya program ini boleh diteruskan dalam tempoh lebih panjang, lebih banyak barangan dan harga lebih rendah," kata Mazwan Johar pada 27 Jun.

301,549 akaun terima air percuma

KUALA LUMPUR - Sebanyak 301,549 akaun pengguna menerima manfaat skim air percuma 20 meter padu sebulan setakat Disember 2022.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Ir Abas Abdullah berkata Kerajaan Negeri membiayai kos lebih RM30 juta menerusi Skim Air Darul Ehsan (SADE).

"Terkini 301,549 akaun pengguna menerima bantuan air percuma 20 meter padu serta kebanyakan mereka daripada golongan B40 dan rumah murah.

"Kempen SADE masih diteruskan dan Air Selangor sebagai agensi pelaksana menerima permohonan, mengumpulkannya sebelum mengemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk semakan," katanya selepas pembentangan laporan kelestarian 2022 di pusat beli-belah The Garden, di sini pada 4 Julai.

Dalam pada itu, beliau turut menggalakkan pengguna mendaftarkan bil

air secara dalam talian atau e-Bil bagi memudahkan sebarang urusan.

"Buat masa ini, 1.7 juta iaitu 65 peratus daripada 2.6 juta akaun pengguna telah beralih kepada e-Bil. Penggunaan e-Bil lebih mudah dan kita berharap sangat pengguna bertukar daripada konvensional kepada e-Bil.

"Setakat ini, kita mengambil beberapa inisiatif iaitu memfokuskan pengguna yang membayar bil air menggunakan platform digital tetapi tidak menggunakan e-Bil, buka reruai di perumahan baharu dan sasar komuniti setempat," katanya.

Air Selangor membuka pendaftaran untuk SADE sehingga 31 Disember 2024 dan antara syarat kelayakan adalah pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Selangor dengan pendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah.

Premis kediaman pula mestilah je-

nis meter individu dan pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun sahaja.

Maklumat lanjut layari www.airselangor.com/residen.../skim-air-darul-ehsan/

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan kira-kira 100,000 lagi akaun pengguna bakal menikmati air percuma dengan kos lebih RM30 juta dibayar sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Ia susulan had minimum pendapatan yang layak menerima manfaat itu dinaikkan kepada RM5,000 berbanding RM4,000 sebelum ini.

Pendaftaran masih terbuka kepada penduduk Selangor sehingga 31 Disember 2024 dengan syarat kelayakan meliputi pemohon mesti warganegara Malaysia, premis kediaman jenis meter individu dan hanya untuk satu akaun sahaja.

Jualan murah dua hari raih RM325,000

Penduduk jimat RM172,000

Oleh **AZIAN AZIZ**

SHAH ALAM - Orang ramai memperoleh penjimatan RM172,000 menerusi subsidi harga barangan asas dalam Jualan Mega Ehsan Rahmah Aidiladha melibatkan enam lokasi selama dua hari mulai 24 Jun.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi menjelaskan pihaknya yang mengendalikan program itu meraih RM325,000 hasil pendapatan.

Katanya, enam barangan iaitu 12,000 ayam, beras lima kg (7,200 kampak), telur (6,000 papan), daging (3,000 pek), ikan (3,000 pek) dan minyak masak lima kg (2,400 botol) habis terjual.

"Barangan tambahan sejuk beku seperti isi kerang, sotong dan ikan kerapu laris. Kita terima kehadiran antara 500 hingga 1,000 orang di setiap lokasi jualan mega," katanya pada 28 Jun.

Mohamad Khairil memberitahu barangan kering jenama Ehsan seperti bihun, tepung, santan, sos cili, sardin, kaya dan biskut jagung turut menjadi pilihan.

Program pada 24 Jun berlangsung di Padang Awam Batu Caves di Parlimen Gombak, Kampung Pandan Dalam (Parlimen Pandan) dan Pantai Batu Laut (Parlimen Sepang).

Sehari kemudian diadakan di Kampung Bukit Belimbing (Parlimen Tanjung Karang), Tapak Pasar Sehari Pekan Sabak (Parlimen Sabak Bernam) dan Dataran Niaga Serendah (Parlimen Hulu Selangor).

Jualan tersebut menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal beku (RM10/pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).



Penduduk buka gerai meriahkan JER

KAJANG - Beberapa penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Ramal mengambil peluang membuka gerai dalam program jualan murah di Seksyen 7 di sini pada 27 Jun.

Peniaga Amir Khairi Hilman, 28, mengakui enam kali mengikuti Jualan Ehsan Rahmah (JER) kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di beberapa lokasi sebelum ini.



"Saya berpeluang menjual udang galah viral RM1 kerana dalam jualan murah ini menyediakan barangan asas sahaja.

"Peniaga boleh ikut sekali program ini di lokasi tertentu dan buka gerai untuk meriahkan suasana selain membantu merencanakan ekonomi setempat," katanya.

Mohammad Amir Akhram Mat Saad, 29, yang mengikuti program tersebut sejak tahun lalu pula membu-

ka gerai air percuma untuk diinfak kepada pengunjung.

Terdahulu, program yang menawarkan barangan keperluan asas dikunjungi lebih 200 penduduk yang bertur seawal jam 8 pagi.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).



Ekonomi terus pesat

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
& **ALANG BENDAHARA**
Foto **NUR ADIBAH AHMAD IZAM**

Ekonomi Selangor terus berkembang pesat dan menjadi penyumbang utama kepada kemakmuran negara. Sumbangan Keluaran Dalam Negeria Kasar (KDNK) Selangor kepada Malaysia meningkat kepada 25.5 peratus pada 2022.

“Pertumbuhan ini paling tinggi dan sumbangan tertinggi Selangor kepada KDNK negara sejak Pakatan Harapan diberi amanah mentadbir negeri ini pada tahun 2008,” kata Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari pada 27 Jun.

“Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia juga, pertumbuhan ekonomi Selangor melebihi pertumbuhan paras nasional sebanyak 3.2 peratus, iaitu sebanyak 11.9 peratus berbanding 8.7 peratus pertumbuhan kadar nasional.”

Dalam tempoh lima tahun sejak 2018, sumbangan KDNK Selangor kepada Malaysia meningkat daripada 23.7 peratus kepada 24.3 peratus pada 2020, sewaktu negara berdepan pandemik Covid-19.

Rekod ini lebih baik daripada pentadbiran Dato’ Seri Azmin Ali sebelumnya yang menurun, antara 22.4 peratus hingga 23.0 peratus sahaja, berbanding era Tan Sri Khalid Ibrahim yang mencatatkan sumbangan KDNK 21.8 peratus hingga 23.7 peratus.

Selangor juga sering mendahului pertumbuhan KDNK Malaysia dalam tempoh lima tahun mutakhir, termasuk ketika pandemik menjejaskan ekonomi di seluruh dunia dengan teruk pada 2020 dan 2021.


Pada 2018, Selangor bertumbuh 6.8 peratus tetapi ekonomi negara 4.7 peratus. Ketika wabak Covid-19, negeri ini merekodkan pertumbuhan -5.3 peratus, lebih baik sedikit daripada negara -5.6 peratus.

Pada 2021, Selangor mula berkembang kembali dengan pertumbuhan 5.0 peratus, manakala ekonomi negara pada tahap 3.1 peratus.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menzahirkan rasa sukacita Baginda ketika pembukaan sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 13 Mac tahun ini.

“Beta ingin menzahirkan rasa syukur dengan prestasi kewangan semasa Kerajaan Beta. Beta dimaklumkan 2022 adalah tahun yang cemerlang bagi Negeri Selangor apabila mencatat jumlah kutipan hasil tertinggi dalam tempoh enam tahun dan turut mencatatkan sumbangan terbesar


PERTUMBUHAN KDNK 2018 - 2022



Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia



SUMBANGAN SELANGOR KEPADA KDNK MALAYSIA, 2008 - 2022



Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia

kepada KDNK Malaysia, iaitu 24.8 peratus (pada 2021).

Zahirkan penghargaan

“Kutipan hasil negeri pada 2022 telah merekodkan angka sebanyak RM2.533 bilion, melebihi sasaran awal iaitu RM2.05 bilion dan lebih tinggi berbanding angka kutipan yang direkodkan tahun 2021 iaitu sebanyak RM2.284 bilion.

“Beta turut berbangga apabila pertumbuhan ekonomi Selangor pada 2021 mencatat angka 5.0 peratus mengatasi pertumbuhan ekonomi nasional pada 3.1 peratus,” titah Baginda di sidang DNS terakhir penggal ke-14.

“Beta menzahirkan penghargaan kepada pentadbiran pimpinan memanda Dato’ Menteri Besar yang berjaya mengemudi negeri ini dengan semangat ‘Kita Selangor’ dalam menghadapi krisis kesihatan, krisis ekonomi dan krisis politik.”

Kemajuan Selangor inilah yang mendorong Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa penjawat awam mempertahankan pentadbiran sekarang yang berupaya melonjakkan ekonomi negara.

“Saya berharap betul-betul kepada saudara-saudari (penjawat awam di negeri ini) kerana Selangor ini kubu Kerajaan Perpaduan.

“Saya harap saudara-saudari faham keperluan kita pertahankan bukan kerana sentimen (kepartian) atau jaminan upah tetapi kerana negeri ini (Selangor) yang mencatat kemajuan terbaik

selain daripada Sarawak.

“Bukan sekadar kekalkan kerajaan yang ada. Kita sokong kerana kita tahu prestasinya dan komitmen untuk menyelamatkan negara kita,” katanya dalam pertemuan dengan kakitangan kerajaan dan pemimpin masyarakat pada 12 Jun.

Perdana menteri juga mengajak semua penjawat awam sebagai tonggak negeri supaya berani untuk mengembalikan maruah dan imej Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.

“Kembalikan maruah kita sebagai negara hebat dan buktikan dengan usaha kita dalam setahun, dua, atau tiga tahun ini. Angkat martabat Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.

“Tengok prestasi Selangor, boleh (dan) boleh lagi kita angkat kerana Selangor ada peranan penting dalam pertahankan induk dan kekuatan ekonomi negara. Sebab itu ramai orang hendak rampas. Jangan bagi peluang (pembangking) mencelah,” kata Anwar.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri melancarkan pelan pembangunan menyeluruh selama lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1) antara 2021 hingga 2025.

Pelan ini mensasarkan KDNK Selangor berkembang secara purata antara 6.5 hingga 7.0 peratus setahun untuk mencapai sasaran guna tenaga 3.5 juta hingga 3.8 juta dalam tempoh tersebut.

Dengan kemajuan ini, Selangor mensasarkan pendapatan isi rumah penengah penduduk meningkat lagi kepada RM9,290 sebulan.

Limpahan kemajuan

Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR
& ALANG BENDAHARA

Selangor meraih pertumbuhan ekonomi membanggakan khususnya sejak lima tahun lalu bawah kepemimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Hasil kerja berpasukan membolehkan hasil negeri, rizab dan pendapatan isi rumah terus menaik. Kadar pengangguran juga terkawal.

HASIL MENINGKAT

Meski diduga pandemik Covid-19, Selangor terus mencatat prestasi kutipan hasil membanggakan. Dibantu barisan EXCO dan kecekapan jentera pentadbiran, hasil negeri sentiasa melebihi RM2 bilion dalam empat tahun kebelakangan ini.

Apabila Amirudin mengepalai pentadbiran selepas pilihan raya umum 2018, hasil Selangor meningkat daripada RM1.9 bilion kepada RM2.3 bilion pada 2019.

Hasil cukai sebanyak RM700.71 juta dan bukan cukai RM1.3 bilion menjadi penyumbang utama kepada kenaikan kutipan pada 2019. Terimaan bukan hasil pada tahun itu pula ialah RM281.02 juta.

Bagaimanapun dua tahun berikutnya, negara diuji serangan wabak Covid-19. Banyak sektor ekonomi ditutup menerusi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.


Pada 2020, kutipan hasil RM2.257 bilion. Tahun itu, hasil cukai merosot kepada RM619.31 juta. Kutipan bukan cukai sebanyak RM1.36 bilion, manakala terimaan bukan hasil menurun kepada RM277.85 juta.

Setahun kemudian, hasil negeri meningkat sedikit kepada RM2.284 bilion. Hasil cukai diterima RM627.19 juta dan kutipan bukan cukai sebanyak RM1.437 bilion. Terimaan bukan hasil pula sebanyak RM219.89 juta.


Hasil Selangor pada 2022 merekodkan angka RM2.533 bilion, melebihi sasaran awal iaitu RM2.05 bilion. Hasil cukai meraih RM722.502 juta.

Perolehan bukan cukai RM1.543 bilion dan terimaan bukan hasil sebanyak RM268.152 juta. Hasil negeri meningkat mendadak sejajar pembukaan sektor ekonomi apabila Covid-19 mula terkawal.

RIZAB KEWANGAN SELANGOR (RM BILION)



PRESTASI HASIL NEGERI SELANGOR, 2018-2022



Sumber Pejabat Dato' Menteri Besar

RIZAB MAKIN NAIK

Rizab negeri terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Kebiasaannya jumlah rizab berubah-ubah saban tahun bergantung kepada dapatan hasil dan keperluan pembangunan bagi memastikan rakyat terus terbelak.

Pada 2018, rizab sebanyak RM2.1 bilion dan kekal sama pada 2019. Namun, selepas dua tahun Amirudin memimpin, perlahan-lahan rizab meningkat walau negeri membelanjakan RM600 juta setiap tahun untuk program kebajikan rakyat Iltizam Selangor Penyayang.

Meski berdepan dampak Covid-19 mulai 2020, rizab dicatatkan sebanyak RM2.4 bilion, meningkat dari tahun sebelumnya. Pada 2021, rizab bertambah lagi kepada RM2.8 bilion. Pada 2022, rizab kewangan negeri menokok kepada RM3.1 bilion.

PENDAPATAN BERTAMBAH

Perangkaan 2007 menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah di Selangor RM4,046 berbanding negara pada RM2,552. Pada 2009, ia meningkat RM4,306 berbanding RM2,841 bagi Malaysia. (Rujuk graf muka surat 15)

Pada 2016, pendapatan isi rumah Selangor melonjak kepada RM7,225. Pada 2019, pendapatan isi rumah Selangor mencecah tahap tertinggi sejak 2007 kepada RM8,210 berbanding Malaysia pada RM5,873.

Namun pada 2020, pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Malaysia merosot 11.3 peratus

kepada RM5,209 akibat pandemik, di mana Selangor juga turun 11.1 peratus kepada RM7,300.

Kecuali ketika era pandemik, peningkatan pendapatan isi rumah menaik kerana kerancakan ekonomi seiring dengan prestasi pertumbuhan negara.

Kerajaan Negeri mensasarkan pendapatan isi rumah meningkat kepada RM9,290 pada 2025, hujung RS-1 yang bermula pada 2021.

PENGANGGURAN TERKAWAL

Pada 2018, pengangguran negeri pada tahap 2.8 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahap nasional. Pengangguran meningkat sedikit pada 2019 kepada paras 2.9 peratus di Selangor berbanding pengangguran negara pada 3.3 peratus.

Ketika pandemik pada 2020, kadar negeri dicatatkan 4.3 peratus kerana ramai hilang pekerjaan. Kadar pengangguran seluruh negara waktu itu 4.5 peratus.

Akibat kelembapan ekonomi susulan Covid-19, pengangguran Selangor pada 2021 tidak berjaya diturunkan. Manakala pengangguran peringkat nasional menaik kepada 4.6 peratus.

Pada 2022, kadar pengangguran turun pada 2.9 peratus di Selangor. Pengangguran seluruh negara pula mencatat angka 3.6 peratus.

Penurunan itu dibantu program mencari dan padanan pekerjaan oleh Kerajaan Negeri. Antaranya, program Karnival Kerjaya Mega Selangor yang menawarkan 50,000 pekerjaan. Lebih 100 syarikat dan agensi terlibat dalam inisiatif itu.

Dasar dan usaha berterusan mencipta peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran Selangor sentiasa bawah paras nasional.



Gerbang pelaburan

Oleh NAZLI IBRAHIM

Pelbagai program menarik lagi unik dijalankan untuk menggalakkan kehadiran golongan pelabur sekali gus menjadikan Selangor gerbang utama perdagangan di Malaysia.

Berbekal prasarana moden dan kemudahan serba lengkap, negeri ini terus unggul dalam pelbagai sektor seterusnya mengekal kedudukannya sebagai induk ekonomi negara.

Memegang portfolio Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Perindustrian, Industri Kecil & Sederhana, Dato' Teng Chang Khim giat mempromosi negeri sebagai destinasi pelaburan ulung.

Penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) mulai 2015 antara program yang berjaya membawa dampak positif menerusi kehadiran pelabur tempatan dan luar negara.

Acara berkenaan mencatat nilai transaksi RM182 juta pada tahun itu diikuti RM100 juta (2016), RM204.2 juta (2017), RM194.6 juta (2018) dan melonjak kepada RM447 juta (2019).

Nilainya turun kepada RM1.09 juta pada 2020 berikutan kesan pandemik Covid-19 tetapi kembali melonjak kepada RM217.6 juta dalam penganjuran SIBS secara hibrid pada 2021.

Tahun berikutnya menyaksikan nilai transaksi naik drastik kepada RM1.45 bilion. Ketika itu, 75 peratus daripada 44,342 pelawat

adalah golongan perniagaan manakala bakinya orang awam.

Pameran udara

Julung kali diadakan pada 2021, Pameran Udara Selangor (SAS) membuka ruang perniagaan dan rangkaian sektor aeroangkasa dan penerbangan juga pencapaian penting bagi menggamit masyarakat pelabur.

Acara selama tiga hari yang menerima penyertaan 43 peserta tempatan dan antarabangsa dikunjungi 4,987 orang. Selangor satu-satunya negeri yang menganjurkan pameran seumpama itu.

Aneka pesawat diperaga di Pusat Penerbangan Serantau SkyPark, Subang antaranya Embraer, Gokbey, Piaggio Avanti, Beechcraft King Air, Cessna 206 dan Bell 407GX.

Program berkenaan turut menampilkan pemain industri terkenal antaranya Aerodyne Geospatial Sdn Bhd, Turkish Aerospace Industry dan Global Turbine Asia Sdn Bhd.

Hasilnya, sebanyak 12 memorandum persefahaman (MoU) dimeterai antara pemain industri tempatan dan antarabangsa dengan nilai tertinggi RM100 juta.

SAS tahun berikutnya menyaksikan kehadiran 10,563 pengunjung selain merekod RM1.174 bilion nilai transaksi manakala 14 MoU pelbagai subsektor

industri aeroangkasa ditandatangani.

Bilangan penyertaan turut meningkat kepada 62 peserta pameran dari lima negara yang mewakili industri aeroangkasa dan penerbangan terbaik dunia.


Untuk edisi ketiga SAS pada 7 hingga 9 September tahun ini, Chang Khim menyasarkan pelaburan RM2 bilion melalui kehadiran 12,000 pengunjung dan 50 pempamer.

Selain itu, Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) memainkan peranan menjadikan Selangor hab digital serantau dengan merencanakan lagi sektor e-dagang.

Sejak 2015, Sidec menyumbang keseluruhan RM334.7 juta menerusi pelbagai kegiatan e-dagang dan pendigitalan menerusi pelbagai program.

Inisiatif itu antaranya Pitch Malaysia Series USA dan program Pemecut Selangor (SAP), Selangor e-Commerce Onboarding, e-Dagang Pendidikan dan Anugerah Peniaga e-Dagang Utama Malaysia (Top ECM).

Tidak ketinggalan Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC) yang dianjurkan sejak beberapa tahun ini.





Sepuluh usahawan terpilih bersama Dato' Menteri Besar, Rodziah dan Ir Izham di Malam Anugerah Ikon Agro Selangor di Shah Alam pada 14 September 2020



Amirudin mendengar taklimat Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Dato' Mahmud Abbas ketika melancarkan Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) di Shah Alam pada 15 Mac 2023



Untuk mendapatkan peluang yang lebih baik, pencari kerja bersekesak di Karnival Kerjaya Mega Selangor di Shah Alam pada 18 Jun 2023



Zawawi mendengar penerangan Penolong Pegawai Jabatan Pertanian Negeri Selangor Zaliha Md Yusof (kanan) ketika Persidangan Antarabangsa Halal Selangor di Shah Alam pada 5 Mac 2022



Tengku Datin Paduka Setia Zatahah Sultan Sharafuddin Idris Shah (dua, kanan) bersama Ir Izham (kanan) ketika lawatan jentera perangkap sampah Interceptor 005 di Sungai Klang pada 4 April 2022



Khairuddin mendekati penghantar makanan ketika program sumbangan bawah Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) di Paya Jaras, Shah Alam pada 15 Ogos 2020



Pemilik gembira menerima kunci Pangsapuri Idaman Abadi, Persiaran Tropicana Heights, Kajang pada 24 Jun 2022. Projek ini yang diperkenalkan pada 2019 menawarkan rumah mampu milik seluas 1,052 kaki persegi bernilai RM250,000 seunit

NEGERI menjana kekayaan yang pasti digunakan untuk membantu rakyat menikmati kehidupan lebih selesa. Pelbagai agensi seperti Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Invest Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Landasan Lumayan bersama pemimpin negeri membantu mengitar nikmat kemakmuran ini. Foto-foto ini memaparkan program Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan barisan EXCO beliau: Rodziah Ismail, Dato' Teng Chang Khim, Ir Izham Hashim, Mohd Khairuddin Othman, Borhan Aman Shah, Mohd Zawawi Ahmad Mughni dan V Ganabatirau. Jurufoto REMY ARIFIN, AHMAD ZAKKI JILAN, HAFIZ OTHMAN, FIKRI YUSOF, MOHD YUSNI ARIFFIN dan NUR ADIBAH AHMAD IZAM merakamkan usaha menggerak ekonomi dan menghulur bantuan dari 2020 hingga tahun ini. Keterangan disediakan oleh HAFIZAN TAIB.



Borhan (dua, kiri) bersama wakil pejabat daerah dan tanah selepas penyerahan sumbangan Produk Kampung 4U bawah program Kita Ke Kampung di Shah Alam pada 20 Januari 2022



Pekerja beratur mengikut tatacara operasi piawai, sebahagian Program Pencegahan Penularan di Kawasan Titik Panas (POIS), di sebuah syarikat di Sabak Bernam pada 5 Ogos 2021



Rodziah bersama penerima Dana Usahawan Mikro Selangor ketika Jelajah Selangor Penyayang di Ampang Jaya pada 19 Jun 2022. Dana ini satu daripada beberapa program pembangunan usahawan



Orang ramai membeli keropok lekor pada program Karnival Usahawan Selangor (Kawan) di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 3 Disember 2022



Pengunjung melihat model pesawat TI-BBQ yang diguna Nature Air dan Extra MX sempena Pameran Udara Selangor di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark, Shah Alam pada 9 September 2022



Pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) membaiki perkakas elektrik mangsa banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 31 Disember 2021



Ganabatirau bersama penerima Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Daerah Hulu Langat di kuarters Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Kajang pada 11 November 2021



Chang Khim (tiga, kiri) bersama pegawai Invest Selangor Berhad selepas melawat kilang Dassault Aviation di Bordeaux, Perancis pada 17 Jun 2022

14 sasaran negeri maju

Oleh NADIAH ZAMLUS

Walaupun Selangor sudah maju, jauh meninggalkan negeri lain, Kerajaan Negeri terus berusaha meningkatkan kejayaannya demi kesejahteraan penduduk dan juga mengukuhkan ekonomi negara.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama barisan pemimpin dan penjawat awam merangka pelan pembangunan lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1) sehingga 2025.

Dibentang pada 27 Julai tahun lalu, dokumen penting bertema Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur, RS-1 menyediakan 14 petunjuk pencapaian sebagai ukuran kejayaan program ini menjelang atau pada 2025.

Dibahagikan kepada empat tema strategik, RS-1 menyasarkan pendapatan isi rumah penengah penduduk negeri ini meningkat kepada RM9,290 sebulan menjelang 2025. Sasaran ini diletakkan bawah tema Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial.

Cabaran yang sedang dihadapi Kerajaan Negeri, strategi yang dirangka dan program yang disusun seperti di muka surat 15 (sebelah). Semua program ini seperti Skim Hijrah Selangor dan Dana Usahawan Mikro Selangor sudah lama digerakkan.

Jumlah tenaga kerja setiap tahun disasarkan antara 3.5 juta hingga 3.8 juta orang dalam tempoh lima tahun sejak 2021. Jumlah itu bersamaan dengan 97 peratus daripada jumlah tenaga buruh di negeri ini.

Guna tenaga dijangka mendapat manfaat

daripada pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi. Saban tahun, pertumbuhan guna tenaga bergerak selari dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di Selangor.

Kerajaan Negeri juga berusaha mengurangkan kadar kemiskinan mutlak kepada 0.7 peratus dan menurunkan kadar kemiskinan relatif kepada 11 peratus. Selangor berada di kedudukan ketiga terendah dalam negara bagi kadar kemiskinan mutlak, sementara tahap kemiskinan relatif pula di kedudukan ketiga tertinggi.

Pelaburan RM35 bilion

Kemiskinan mutlak berlaku apabila pendapatan isi rumah berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI) negara. Kemiskinan relatif pula pendapatan keluarga di tahap bawah separuh daripada pendapatan penengah negeri atau negara.

Untuk mencapai sasaran tersebut, Selangor ingin mengekalkan pertumbuhan purata KDNK antara 6.5 hingga 7 peratus setiap tahun. Negeri ini menyumbang 25.5 peratus kepada KDNK Malaysia pada 2022.

Pertumbuhan KDNK meningkat kepada 11.9 peratus tahun lalu berbanding 6.9 peratus pada 2018 dan 6.7 peratus (2019). Pertumbuhannya -5.3 peratus pada 2020 akibat kemelesetan sewaktu pandemik Covid-19. Namun, kadar ini meningkat kepada 5.0 peratus setahun kemudian.

"Sasaran ini lebih tinggi daripada purata pertumbuhan lima tahun Selangor dan pertumbuhan Wilayah Tengah yang diunjurkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)," laporan RS-1 dipetik.

Selangor juga mahu meraih pelaburan RM25

bilion hingga RM35 bilion setahun. Sasaran pelaburan, KDNK dan guna tenaga dimasukkan bawah tema Pengukuhan Ekonomi.

Tema ini menumpukan sembilan sektor iaitu pelaburan dan logistik, pelancongan, automotif, aeroangkasa, agroteknologi, elektrik & elektronik serta kejuruteraan & mesin, industri halal, sains hayat dan ekonomi digital.

Di bawah tema Pengukuhan Ekonomi, tiga daerah di Selangor dimajukan: Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) di Kuala Langat dan Sepang, Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dan Zon Pembangunan Ekonomi Gerbang Maritim Selangor (ZPE SMG) di hilir Sungai Klang.

Bagi menggerakkan ekonomi, Kerajaan Negeri mensasarkan penembusan jalur lebar berkelajuan tinggi hingga 70 peratus bagi setiap 100 premis menjelang 2025.

"Akses (capaian) internet untuk kawasan bandar di Selangor hanya merekodkan 53.1 peratus bagi penggunaan jalur lebar tetap pada tahun 2020, berbanding dengan 93.4 peratus di Singapura," laporan RS-1 dipetik.

"RS-1 menyasarkan untuk menambah sekurang-kurangnya 300 syarikat startup (pemula), 10,000 pengguna aktif dalam pasaran ekonomi gig dan sekitar 20,000 profesional berkemahiran menjelang tahun 2025."

Kesejahteraan keluarga

Menjelang 2025, Selangor menetapkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) pada skala 8. Justeru, menerusi RS-1, enam bidang tumpuan telah dikenal pasti memberi impak kepada kesejahteraan rakyat.

Diperkenalkan pada 2011, IKK mengukur lapan bidang kesejahteraan keluarga seperti kesihatan, ekonomi, perumahan, kerohanian, keselamatan dan telekomunikasi dengan skor 0-4 sebagai rendah, 5-7 (sederhana) dan 8-10 (tinggi).

Untuk tema Pemacuan Kelestarian pula, Kerajaan Negeri menetapkan tiga sasaran antaranya memastikan bekalan air bersih sentiasa terjamin secara 24 jam.

Bagi menghadapi masalah pencemaran sungai yang kerap berlaku beberapa tahun kebelakangan ini, Selangor menyediakan program Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) pada tahun 2020.

Berkat pemantauan 24 jam Pasukan Tindakan Segera (PANTAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berjaya mencegah pencemaran masuk ke muka sauk yang boleh mengakibatkan henti tugas loji rawatan air (LRA).





SJAM juga berupaya menjamin operasi LRA tidak terjejas meski berlaku pencemaran apabila projek pembinaan infrastruktur pengepaman dari kolam takungan Sungai Selangor siap pada 2024.

Selain itu, Pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 juga dibuat bagi meningkatkan bayaran denda minimum RM200,000 hingga maksimum RM1 juta dan penjara mandatori atas kesalahan pencemaran air.

Selangor juga menetapkan tiga sasaran bawah tema Tadbir Urus SMART dan Berkesan, antaranya semua pihak berkuasa tempatan berada di kedudukan 10 teratas pada peringkat kebangsaan.

Kerajaan Negeri juga menyasarkan pendigitalan perkhidmatan awam sehingga 85 peratus, kadar kitar semula sisa 15 peratus, pengurangan gas rumah hijau 35 peratus dan semua projek berdampak tinggi bawah RS-1 selesai 100 peratus.

PENGUKURAN DAN PENJEJAKAN SASARAN MAKRO BAGI TUJUAN PENETAPAN HALA TUJU DAN PENGUKURAN IMPAK RS-1 2021-2025

TEMA STRATEGI	PETUNJUK	SASARAN RS-1
 Pengukuhan Ekonomi	1 Pertumbuhan KDNK (tahunan)	6.5-7.0% (purata 2021-2025)
	2 Pelaburan yang diluluskan untuk sektor utama dan berkompleksiti tinggi (tahunan)	RM25-35 bilion (purata 2021-2025)
	3 Jumlah guna tenaga (tahunan)	3.5-3.8 (purata 2021-2025) juta individu
	4 Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis)	70% (Menjelang 2025)
 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	5 Pendapatan isi rumah penengah	RM9,290/bulan (Menjelang 2025)
	6 Kemiskinan mutlak	0.7% (Menjelang 2025)
	7 Kemiskinan relatif	11.0% (Menjelang 2025)
	8 Indeks Kesejahteraan Keluarga	8.0 (Menjelang 2025)
 Pemacuan Kelestarian	9 Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK	35% (Menjelang 2025)
	10 Ketersediaan air bersih harian	24 jam (2021-2025)
	11 Kadar kitar semula sisa	15% (Menjelang 2025)
 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	12 Kadar penyelesaian projek RS-1 yang berimpak tinggi	100% (Menjelang 2025)
	13 Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat kebangsaan	TOP 10 (semua pihak berkuasa)
	14 Perkhidmatan digital awam hujung ke hujung	85% (Menjelang 2025)

Sasar raih RM9,290

KERAJAAN Negeri berusaha meningkatkan lagi pendapatan isi rumah seluruh rakyat. Selain menjaga kebajikan golongan berpendapatan rendah, Selangor menyediakan strategi dan program menebalkan lagi poket kita.

Melalui dasar lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Kerajaan Negeri menetapkan sasaran pendapatan isi rumah meningkat sehingga RM9,290 sebulan menjelang 2025.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyusun maklumat asas cabaran, strategi dan program negeri mencapai sasaran tersebut. Jumlah pendapatan isi rumah ini antara 14 petunjuk kejayaan RS-1 seperti dibentang pada 27 Julai 2022.

CABARAN

- negeri ketiga tertinggi pendapatan isi rumah
- jurang pendapatan luas di antara daerah
- pengangguran lebih rendah berbanding purata negara
- pengangguran meningkat ketika wabak Covid-19
- kemiskinan mutlak ketiga terendah dalam negara
- kadar miskin relatif ketiga tertinggi

STRATEGI

TINGKAT PENDAPATAN MENERUSI KEUSAHAWANAN

- Skim Hijrah Selangor, tawar biaya RM1,000 hingga RM50,000

ASAH KEMAHIRAN IKUT PASARAN KERJA

- dapat kerja gaji tinggi
- latihan teknikal dan vokasional
- kursus tingkat kemahiran profesional

PROGRAM

SKIM HIJRAH SELANGOR

- bantu usahawan mikro dapat pinjaman

DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR

- sedia geran sehingga RM30,000 dalam bentuk peralatan

PUSAT WANITA BERDAYA

- latih kemahiran wanita di 56 pusat

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN SKIM GERAN MIKRO

- sedia RM10,000 dalam bentuk peralatan kepada usahawan

PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN INDIA SELANGOR (i-SEED)

- bantu usahawan mikro India


SELANGOR FREELANCE (PADANAN KERJA)

- mudahkan padanan kerja dalam talian

INSENTIF DAN GALAKAN UNTUK PENSIJILAN PROFESIONAL

- sedia bantuan yuran dapatkan sijil profesional

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PENENGAH DI SELANGOR, 2007-2025




PENDAPATAN ISI RUMAH PURATA DAN PENENGAH MENGIKUT DAERAH


Definisi: B40 pendapatan isi rumah bawah RM4,850
M40 pendapatan di antara RM4,850-RM10,959
T20 pendapatan isi rumah lebih RM10,960

CAGR: Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun

Purata Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan (2016, 2019), RM



Penengah Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan (2016, 2019), RM



Kecapi kemakmuran

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Hasil kekayaan negeri digunakan seluas-luasnya untuk pembangunan yang mendatangkan manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Projek ini juga sebagai pelaburan bagi kemajuan masa depan.

Bawah kepemimpinan EXCO Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian Ir Izham Hashim dan juga EXCO Perumahan dan Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail, program penting ini berjaya digerakkan.

Program ini melibatkan bekalan air bersih, jualan murah untuk menangani kos sara hidup, perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, pembangunan usahawan kecil dan projek pertanian.

SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Pada 1990-an, Selangor berdepan krisis kekurangan bekalan air, khususnya musim kemarau. Namun, tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan berlaku pencemaran sungai sehingga operasi loji rawatan air (LRA) terjejas.

- Kerajaan Negeri perkenal SJAM pada 2020
- rondaan 24 jam di lembangan Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Klang
- memanfaatkan dron berteknologi tinggi bagi analisis air, awasi lokasi sumber air dan tempatkan sistem amaran awal
- kejadian henti tugas LRA kian berkurangan walau kes pencemaran meningkat
- projek pembinaan infrastruktur pengepaman dari kolam takungan Sungai Selangor siap pada 2024
- pinda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, tingkatkan denda minimum RM200,000 hingga maksimum RM1 juta & penjara mandatori bagi kesalahan pencemaran air

JELAJAH EHSAN RAKYAT (JER)

Kerajaan Negeri sedar dari awal kesan kenaikan kos sara hidup terhadap golongan berpendapatan rendah khususnya ketika wabak Covid-19.

- mulai September 2022, Selangor lancar JER
- lanjutan Program Agro Prihatin Selangor, diperkenal pada Jun 2021 bagi atasi lambakan hasil tani akibat pandemik
- bantu petani pasar produk, rakyat dapat barangan pada harga murah
- dijenama sebagai Jualan Prihatin Rakyat pada Februari 2022. Pelaksanaan dilanjutkan sehingga Julai 2022.

- sasar B40 di 56 Dewan Negeri Selangor
- ringankan beban rakyat dengan enam barang asas pada harga murah: ayam (1.8-2 kg), telur gred B, ikan kembung (1kg), minyak masak (5kg), beras (5kg) dan daging import (1kg)
- RM10 juta diperuntuk fasa pertama pada September 2022 di 711 lokasi. Kira-kira dua juta individu dapat manfaat, subsidi RM4.8 juta
- digerakkan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, empat juta peserta menerima manfaat itu sehingga Jun 2023
- subsidi RM34 juta antara September 2022 hingga awal Jun
- 2,102 lokasi di seluruh negeri dengan jualan keseluruhan RM34,780,655
- diteruskan hingga Disember ini dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

RUMAH SELANGORKU & IDAMAN

Membina perumahan mampu milik untuk kehidupan lebih baik melalui program Rumah Selangorku sejak sembilan tahun lalu.

- keluasan minimum antara 700 hingga 1,000 kaki persegi
- dijual antara RM42,000 hingga RM250,000 seunit
- Rumah Idaman dilancarkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 2019
- pembinaan di lokasi strategik dan harga berpatutan, dilengkapi pelbagai kemudahan
- setiap unit dapat dua parkir, penyaman udara di tiga bilik tidur, pemanas air di dua bilik air, kabinet dapur, televisyen, peti sejuk dan almari pakaian
- ada pemaju sediakan gimnasium, kolam renang, taman permainan, dewan serbaguna dan surau
- setakat 30 April 2023, 33,920 unit kediaman pelbagai kategori berjaya disiapkan
- 18,291 unit lagi dalam proses pembinaan, 175,486 pula pada peringkat perancangan termasuk menunggu kelulusan pihak berkuasa tempatan
- dibina di lokasi strategik berdekatan sekolah, hospital dan akses jalan

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Pinjaman Hijrah

- Ditubuh pada 2015, Yayasan Hijrah Selangor sediakan pinjaman kewangan kepada peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal.
- kelulusan sehingga RM100,000 mengikut syarat
 - tujuh skim ditawarkan iaitu Zero to Hero, Skim Niaga Darul Ehsan (NADI), Skim Pembiayaan Digitalisasi (GO Digital), Skim i-Bisnes, Skim i-Lestari, Skim i-Agro dan Skim i-Bermusim

- sehingga Mac 2023, 57,738 peserta dengan dana lebih RM754 juta
- 34,379 penerima atau 60 peratus adalah usahawan wanita

Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)

Mensasarkan sekurang-kurangnya 100 usahawan mikro setiap tahun di sembilan daerah mendapat manfaat yang diperkenalkan sejak 2015.

- setiap daerah diperuntuk RM250,000
- setiap pemohon berpeluang terima bantuan sehingga RM30,000
- sehingga kini, 600 usahawan mikro dibantu

Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan

Individu berpendapatan bawah RM1,500 sebulan atau pendapatan seisi rumah bawah RM3,000 sebulan boleh mohon.

- Belanjawan Selangor 2023 sedia RM2 juta
- bantuan dalam bentuk peralatan atau mesin perniagaan
- had siling permohonan RM10,000 seorang
- antara 2017 hingga 2022, lebih 2,300 peniaga kecil dapat manfaat

PELAN TRANSFORMASI AGRO SELANGOR (PeTA)


Bagi memenuhi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021 – 2025, PeTA disediakan dan dipecah kepada sembilan kluster, antaranya:

- Agro Prihatin urus lambakan hasil pertanian dan beri bantuan kepada petani, penternak, nelayan dan penggerak industri asas tani
- Agro Komuniti libatkan kebun komuniti di bandar membabitkan mahasiswa dan murid
- Pusat Kecemerlangan Pertanian (ACE) diwujudkan bagi tingkat kajian pengeluaran benih tanaman, baka ternakan dan pengurangan kos input
- Agropreneur Selangor mendaftar lebih ramai usahawan melalui program Ikon Selangor dan Agro Pelancongan melalui kehadiran pelawat ke lokasi pertanian

KAWASAN PEMBANGUNAN SABAK BERNAM (SABDA)

Dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1), SABDA antara tiga wilayah pembangunan yang bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi melalui lima aktiviti teras iaitu:

- tambah komoditi bernilai tinggi dan tingkatkan tahap produktiviti dengan penggunaan teknologi pertanian terkini
- bangunkan pertumbuhan rantai industri serta cipta peluang pekerjaan dan pasaran
- bangunkan produk pelancongan berkaitan agropelancongan dan ekopelancongan
- tarik perhatian pelaburan baharu untuk bangunkan perindustrian hiliran
- bangunkan infrastruktur dan kemudahan awam
- di atas 1,137 hektar tanah, jangka terima pelaburan RM1.9 bilion
- hasil diunjurkan kira-kira RM248 juta setahun
- kira-kira 3,600 peluang pekerjaan diwujudkan





ILMU... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan buku Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam tulisan Sheikh Dr Taha Jabir Fayyad al-Alwani di Kompleks Islam Putrajaya pada 4 Julai. Foto BERNAMA

Struktur semula pinjaman Felda

Mansuh 80 peratus hutang peneroka

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menandatangani perjanjian Jaminan Kerajaan kepada Felda untuk menstruktur semula pinjaman bagi mengukuhkan semula kewangannya.

Jaminan tersebut juga membantu Felda memansuh 80 peratus hutang peneroka RM8.3 bilion yang dilaksanakan pada 2021 selain mengurangkan kos kewangan agensi itu terhadap kadar faedah.

Dalam kenyataan Kementerian Kewangan, sebahagian besar penstrukturan berkenaan melibatkan pengurangan prinsipal hutang Felda dengan institusi kewangan sebanyak RM7.9 bilion.

"Kerajaan juga menambah baik

tatakelola penyaluran dana dengan melantik AmanahRaya Trustees sebagai pemegang amanah bagi memastikan pelan transformasi Felda di landasan tepat," katanya.

Ada lebih 120,000 peneroka Felda membabitkan 317 tanah rancangan di seluruh negara.

Ketua Peneroka Kebangsaan berkata usaha tersebut memberi semangat baharu kerana pendapatan yang diperoleh tidak hanya disalur untuk membayar hutang sebaliknya sebagai keuntungan.

"Dengan pemansuhan 80 peratus hutang itu, peneroka dapat pendapatan bulanan yang lebih serta kebajikan kembali terjaga," kata Sulong Jamil Mohamed Shariff kepada Bernama pada

29 Jun.

Presiden Persatuan Kami Anak Felda Fakhurrazi Mohd Habib pula yakin penstrukturannya itu membantu Felda membina semula rizab tunai bagi menampung kos pendahuluan pengurusan ladang.

Katanya, peneroka kini terpaksa membayar potongan pendahuluan walau hasil tidak memadai berikutan Felda tiada rizab mencukupi untuk menanggungkan potongan itu seperti amalan biasa.

Beliau menyifatkan langkah Anwar menandatangani Jaminan Kerajaan itu menunjukkan keprihatinan terhadap peneroka sekali gus membantu Felda kembali kepada landasan asal penubuhannya.

Bank perlu bantu usahawan kecil

SHAH ALAM - Bank disaran terus menawar bantuan bayaran balik pinjaman kepada individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk penjadualan dan penstruktur semula.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata peminjam yang bermasalah boleh mendapat nasihat dan bantuan bayaran balik melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

"Saya berpuas hati dengan komitmen yang ditunjukkan institusi perbankan yang bersedia untuk membantu rakyat dan PKS," katanya dalam kenyataan pada

30 Jun.

Beliau yang juga menteri kewangan mengadakan dialog bersama wakil sektor perbankan bagi mendapatkan buah fikir serta pandangan berkaitan ekonomi negara.

Sesi itu dihadiri Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Jessica Chew dan pemimpin bank antaranya AMMB Holdings Bhd, Bank Islam Malaysia, CIMB Group Holdings Bhd, Maybank dan Public Bank.

Program tersebut sesi ketiga seumpamanya diadakan. Sebelum ini, Anwar

mengadakan pertemuan dengan pemimpin perniagaan dan pakar ekonomi bagi mencorakkan hala tuju ekonomi negara.

Anwar juga menyeru industri perbankan supaya menyokong pembangunan usahawan kecil terutama golongan rentan dengan menawarkan modal permulaan dan pembiayaan mikro.

Katanya, penarafan 'stabil' daripada S&P Global Ratings (S&P) baru-baru ini membuktikan hala tuju ekonomi negara pada landasan betul dan mencerminkan kekuatan momentum pertumbuhan.

4,000 peroleh lesen PSV percuma

HULU SELANGOR - Kerajaan menyediakan peruntukan RM2 juta bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40) untuk mendapatkan Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV).

Menteri Pengangkutan Anthony Loke menjelaskan dana itu memanfaatkan 4,000 calon merangkumi 3,500 orang untuk lesen PSV e-panggilan atau teksi dan 500 orang (lesen PSV bas) secara percuma.

"Peruntukan itu meliputi kos ujian dan latihan kepada calon dengan kadar RM2,590 untuk setiap calon PSV bas manakala RM190 untuk setiap calon PSV e-panggilan atau teksi," katanya.

Beliau berkata program itu bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi B40 melalui peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi sampingan selain menambah baik pengangkutan awam negara.

Tabung Haji menang anugerah lagi

SHAH ALAM - Lembaga Tabung Haji (TH) sekali lagi menerima pengiktirafan kerajaan Arab Saudi menerusi Anugerah Labbaitom bagi kategori Perkhidmatan Terbaik Pejabat Urusan Haji.

Anugerah itu disampaikan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi Dr Tawfiq Fawzan Al-Rabiah kepada Menteri Hal Ehwal Agama Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar di Makkah pada 31 Mei, lapor Bernama.

Mohd Na'im dalam kenyataan menjelaskan sistem dan kecekapan pengurusan jemaah haji Malaysia sentiasa diiktiraf sebagai model terbaik dunia yang dicontohi masyarakat antarabangsa.

Beliau menambah kriteria anugerah itu antaranya penerapan teknologi dalam perkhidmatan, persediaan ibadat dan kursus dan peratusan kadar kepuasan jemaah sepanjang musim haji.

Pada Februari, TH memenangi Anugerah Labbaitom untuk Perkhidmatan dan Program Bimbingan Haji Terbaik dalam dunia Islam daripada Kerajaan Arab Saudi.

Tampung tiket penerbangan pelajar

SHAH ALAM - Kerajaan memperkenalkan inisiatif untuk mahasiswa institusi pengajian tinggi awam terutama dari Sabah dan Sarawak untuk membeli tiket penerbangan pulang.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata bantuan dalam bentuk pemberian kredit itu yang dijangka memanfaatkan 50,000 pelajar dalam proses integrasi dengan syarikat penerbangan.

"Kita jangka ia dapat dilancarkan pada Ogos, sebelum sambutan Hari Kebangsaan tahun ini," katanya seperti dilapor Bernama pada 30 Jun.

Katanya, industri penerbangan tempatan berperanan membantu pelajar yang perlu merentasi Laut China Selatan berikutan ia satu-satunya pengangkutan awam.

Agihan kerusi gabungan selesai

PUTRAJAYA - Pengagihan kerusi antara Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya enam negeri selesai, kata Pengerusi HARAPAN Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Setakat ini tidak ada (pertindihan), saya telah bincang dengan Pengerusi BN, cuma sekarang beri ruang kalau ada pandangan dikemuka kepimpinan negeri sama ada HARAPAN atau BN," katanya seperti dilapor Bernama.

Mengakui bertemu Pengerusi BN Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berhubung isu tersebut, Anwar juga memberi bayangan gabungan itu boleh merampas dua negeri selain mempertahankan tiga negeri.

"Saya lihat tiga negeri itu sangat kuat boleh pertahan dan insya-Allah, kita boleh nampak menjurus kepada dua negeri lagi," katanya tanpa menamakan negeri tersebut.

HARAPAN mentadbir Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan manakala Perikatan Nasional menguasai Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Elak fitnah dalam kempen politik

SHAH ALAM - Semua parti politik termasuk pembangkang mesti menoktahkan serangan terhadap lawan menggunakan fitnah dan isu perkauman dalam kempen pilihan raya negeri.

Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat Nurul Izzah Anwar mengakui bimbang penularan berita palsu yang kian berleluasa kebelakangan ini menggugat keharmonian masyarakat di negara ini.

"Saya bimbang penularan berita palsu yang tidak membangkitkan semangat dan kritikan membina. Kita harus menoktahkan serangan berunsur fitnah yang boleh mewujudkan kebencian perkauman.

"Tidak kira mana-mana parti politik harus tolak budaya tidak sihat ini," katanya dalam satu program di Seksyen 4 di sini pada 2 Julai.

42 projek bina jalan di Kelantan

SHAH ALAM - Sebanyak 42 projek bawah Program Jalan dan Jambatan Luar Bandar (JALB) termasuk menaik taraf jambatan sempit melibatkan kos keseluruhan RM1.44 bilion diluluskan di Kelantan.

Pengerusi Bersama Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Kelantan Nik Nazmi Nik Ahmad berkata projek bernilai RM122.95 juta dilaksanakan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Katanya, projek itu ialah membina jalan dan jambatan dari Kampung Joh ke Kampung Belimbing dan dari Kam-

pung Joh ke Kampung Kuala Sat serta Kampung Joh ke Kampung Mata Ayer, Machang.

"Projek ini akan melengkapkan jaringan jalan alternatif luar bandar melibatkan daerah Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah," katanya di Machang seperti dilapor Bernama pada 2 Julai.

Nik Nazmi menjelaskan ketiga-tiga projek berkenaan dijangka memendekkan tempoh hingga 20 minit dan jarak perjalanan antara tiga lokasi terlibat sejauh 15 kilometer.

Beliau menambah projek berke-

naan bertujuan mengurangkan jurang prasarana rangkaian jalan luar bandar dan wilayah bagi menoktahkan kemiskinan di Kelantan.

Katanya, pelaksanaan tersebut melancarkan aliran trafik dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi serta sosial terutama di Machang, sekali gus mengelakkan suasana bandar mati.

Terdahulu, Nik Nazmi mengadakan lawatan dan pemantauan projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu dan projek pembinaan Taman Sistem Binaan Berindustri di Labok, Machang.

Belia manfaat sumbangan

Bantuan tampung belanja harian

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Rata-rata penerima bantuan RM200 eRahmah Belia yang disalur mulai 26 Jun menyifatkan inisiatif berkenaan membantu anak muda menampung perbelanjaan seharian.

Pelajar Universiti Kuala Lumpur Muhammad Iman Muhammad Ahib, 23, mahu memanfaatkan sumbangan itu untuk menampung kos berulang alik dari Klang ke pusat pengajiannya di ibu negara.

"Kadang-kadang saya memandu kereta sendiri atau naik Transit Aliran Ringan (LRT). Duit ini juga boleh tampung kos makan dan minum atau perkara lain," katanya kepada Selangorkini.

Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Raub, Pahang Wan Nurbaqis Wan Mohamed Fathil, 23, pula mahu membelanjakan wang berkenaan untuk membeli makanan dan keperluan belajar.

"Duit ini dikredit dalam aplikasi e-dompet. Lebih mudah kami berbelanja kerana kebanyakan premis perniagaan menyediakan kemudahan perkhidmatan itu.


"Kemudahan perbankan di sini jauh. Jadi, cara ini sangat membantu ketika berbelanja," kata penuntut Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi.

Bantuan tersebut dikredit ke akaun belia berusia antara 18 hingga 20 tahun dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang layak.

Pada 21 Jun, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan pendaftaran dan tuntutan boleh dibuat menerusi Boost, Setel atau Touch 'n Go eWallet sehingga 22 Ogos.

Penyedia perkhidmatan e-dompet turut memberi insentif tambahan dalam bentuk baucar, pulangan tunai dan diskaun mata ganjaran sepanjang program tersebut.

Bantuan itu boleh digunakan di kedai peruncit atau peniaga yang menerima bayaran melalui kod QR DuitNow, tertakluk kepada transaksi yang dibenarkan.



IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



Selangor TV



Media_Selangor



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



@Selangortv



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita selangorkini.my hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor





GEMBIRA... Datuk Bandar Mohamad Azhan Md Amir (belakang, tengah) bersama juara perarakan dalam majlis perasmian sambutan ulang tahun bandar raya Petaling Jaya ke-17 di Laman MBPJ pada 24 Jun. Foto MBPJ

Hasil dalam tempoh lima bulan

Kutip RM50.39 juta cukai taksiran

Oleh **AZIAN AZIZ**

GOMBAK - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengutip RM50.39 juta cukai taksiran antara Januari sehingga 31 Mei, kata Timbalan Yang Dipertuanya Adi Faizal Ahmad Tarmizi.

Beliau menjelaskan kutipan tersebut meliputi 88.41 peratus daripada RM57 juta cukai yang perlu dikutip selain memungut RM6.97 juta tunggakan dalam tempoh sama.

"Kutipan itu (RM6.97 juta) merupakan 58.10 peratus jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran iaitu RM12 juta," katanya dalam mesyuarat bulanan MPS pada 27 Jun.

Adi Faizal memaklumkan pihak berkuasa tempatan itu juga

memperoleh RM637,107.95 melalui 1,091 transaksi bayaran di portal MyMPS.

Beliau menambah jumlah berke-naan meliputi bayaran sewa gerai iaitu RM308,644.50, permit bangunan dan perancang (RM198,861.41) dan lesen per-niagaan (RM129,602.04).

Sementara itu, MPS memproses 28,244 waran tahanan untuk pemilik harta yang gagal membayar tunggakan cukai taksiran bermula 1 April hingga 31 Mei lalu.

Adi Faizal berkata sebanyak 9,016 waran tahanan dihantar kepada pemilik harta.

Biaya program kebajikan

AMPANG JAYA - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melancarkan tabung Endowmen MPAJ untuk mengumpul dana membiayai program kebajikan serta meningkatkan hasil bukan cukai.

Menjelaskan MPAJ menyumbang RM1 juta sebagai permulaan, Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad berkata ia boleh membiayai kos pembaikan cerun, pembersihan longkang, menebang dan mencantas pokok.

Beliau menambah dana berkenaan juga boleh dimanfaatkan untuk membekal peralatan kesihatan di taman awam, menyediakan pusat pengumpulan makanan dan bantuan untuk golongan me-

merlukan.

"Endowmen MPAJ ditubuh untuk mengumpul dana yang dimanfaatkan untuk membiayai kegiatan atau program kebajikan dan kesejahteraan masyarakat," katanya dalam majlis perasmian pada 27 Jun.

Endowmen tersebut dipantau Jawatankuasa Pemegang Amanah MPAJ yang dipengerusikan Dr Ani, Setiausaha majlis Julaihah Jamaludin sebagai timbalan pengerusi dan tiga ahli majlis.

MPAJ mengalu-alukan sumbangan mana-mana pihak sama ada secara tunai di kaunter hasil, dalam talian, kod QR, kad debit atau kredit, e-dompot dan JomPAY.

Jom sertai lumba basikal MBSJ

SHAH ALAM - Sempena Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mempelawa orang ramai menyertai acara berbasikal Endurance Challenge V2.0 pada 9 Julai.

Perlumbaan terbahagi kepada lima kategori berlangsung di Jalan Persiaran Kemajuan Subang Jaya mulai jam 7 pagi, menurut penganjur acara berkenaan iaitu Colorbar Universal Solutions.

"Ini sebahagian daripada usaha majlis tempatan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif, selain inisiatif yang bertujuan mengurangkan pelepasan karbon," kata kenyataan pada 30 Jun.

Semua penunggang dikehendaki menamatkan sebanyak mungkin pusingan gelung 2.1km dalam masa dua jam bagi kategori basikal jalan dan basikal lipat atau gunung.

Raih RM40.5 juta takat Mei

AMPANG JAYA - Sebanyak RM40.5 juta cukai taksiran dikutip Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) antara Januari hingga 30 Mei tahun ini.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad berkata kutipan itu meningkat RM0.56 juta atau 1.4 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, dengan anggaran RM87.5 juta perlu dikutip tahun ini.

"MPAJ turut mengutip tunggakan cukai RM8.3 juta bagi tempoh sama tahun ini. Kutipan itu menurun RM5.72 juta atau 40.56 peratus berbanding tahun lalu," katanya dalam mesyuarat penuh bulanan di Menara MPAJ pada 27 Jun.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000015032	SUPPLY AND DELIVERY OF DUCTILE IRON (DI) PIPES FOR AIR SELANGOR'S PROJECTS (2023-2025)
2.	PN0000014856	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION AND COMMISSIONING OF 60 UNITS OF COMPACT REMOTE TERMINAL UNITS (RTU) FOR AIR SELANGOR
3.	PN0000014988	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF PIEZOMETERS, V-NOTCH WEIR SENSORS AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT KLANG GATE DAM

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	KETERANGAN
1.	PRE-QUALIFICATION OF CONTRACTORS FOR PANEL CIVIL MAINTENANCE WORKS AT TRUNKMAIN STRATEGIC VALVES FOR AIR SELANGOR
2.	PRE-QUALIFICATION OF CONTRACTORS FOR PANEL MAINTENANCE WORK FOR INSTRUMENTATION ASSETS IN TRUNKMAIN STRATEGIC LINE FOR AIR SELANGOR

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists>. Sertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

Rekod 5,000 pemegang sijil halal

SHAH ALAM - Selangor merekod lebih 5,000 pemegang sijil halal daripada pelbagai sektor setakat ini, kata EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Beliau berkata kepesatan industri tersebut yang tidak hanya tertumpu kepada makanan dan minuman menyebabkan permohonan semakin meningkat.

"Selangor negeri pertama wujudkan portfolio industri halal tujuannya untuk kita memperkasakan sektor ini kerana mempunyai potensi yang cukup besar.

"Urus niaga industri halal ini mencecah trilion dolar, bukan sekadar melibatkan makanan dan minuman tetapi termasuk farmasi, kosmetik, pelancongan dan kewangan," katanya pada 1 Julai.

Mohd Zawawi berkata ada beberapa program dijalankan bagi memperkasa industri halal termasuk penganjuran Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (SELHAC).

Kuliah masjid rancak saban hari

SHAH ALAM - Pelbagai kegiatan pengajian dan kuliah agama rancak dijalankan di masjid dan surau di seluruh negeri saban hari, kata EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Beliau menegaskan institusi agama di Selangor itu bukan sekadar terletak pada kemegahan bangunannya tetapi keutamaan diberi kepada pengisian program dan pengimarahannya.

"Setiap hari dan setiap minggu semua institusi ini aktif dengan kegiatan pengajian dan kuliah selain pelbagai program termasuk berkaitan remaja dan wanita.

"Program berkaitan ilmu, solat dan pelbagai lagi dibuat untuk pengimarahannya masjid dan surau," katanya dalam sesi wawancara Selamat Pagi Malaysia pada 1 Julai.

Menjelaskan semua 436 masjid dan

2,000 surau ditadbir nazir dengan baik, Mohd Zawawi berkata kuliah itu dikawal selia bagi memastikan tiada ajaran bertentangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Beliau menambah pengajian tersebut juga dipantau Majlis Agama Islam Selangor bagi mengelakkan sebarang unsur yang boleh menyebabkan perpecahan dan perselisihan dalam kalangan umat Islam.

Rangka garis panduan khas

Perkemas tadbir urus sekolah agama

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Garis panduan khas sekolah agama persendirian di negeri ini

akan dirangka bagi memudahkan pusat pendidikan itu beroperasi tanpa mengabaikan aspek keselamatan pelajar.

Menjelaskan Selangor negeri pertama berbuat demikian, EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata panduan berkenaan tidak sama dengan syarat kelulusan pusat tahfiz.

Beliau menjelaskan banyak sekolah agama sedemikian beroperasi di bangunan komersial sekali gus tertakluk peraturan pihak berkuasa tempatan (PBT) menyebabkan kelulusan sukar diperolehi.

"Kita akan adakan perbincangan lanjut dengan PBT dan pihak berkepentingan untuk wujudkan garis panduan. Ini yang pertama di Malaysia," katanya dalam sidang media pada 27 Jun.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan lebih sejam bersama Gabungan Sekolah Islam Selangor (Gasis) di bangunan pentadbiran negeri di sini.

Pada masa ini, sebanyak 171 sekolah agama persendirian beroperasi di Selangor.

Mohd Zawawi menambah Kerajaan Negeri sebelum ini giat menjalankan Garis Panduan Pemutihan Sekolah Agama (Institusi Tahfiz) Persendirian Negeri Selangor mulai 2019.

Katanya, usaha itu bagi meningkatkan keselamatan pusat pendidikan agama susulan tragedi yang meragut 23 pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Datuk Keramat pada September 2017.

"Isunya berkaitan keselamatan. Mereka ini generasi pewaris. Siapa pun yang memerintah selepas ini, pastinya kita mahu ada pelapis yang lebih baik dan berjaya," katanya.

Pada 16 Jun, Mohd Zawawi berkata garis panduan pusat pendidikan agama ditambah baik bagi mempermudah operasi institusi tersebut seterusnya meningkatkan tahap keselamatan murid.

Katanya, tempoh dua tahun mulai 1 Januari 2021 diberi kepada penguasa untuk memenuhi garis panduan berkecuali selain mempertimbang lanjutan tiga tahun kepada 416 sekolah agama.

PIBG dapat RM1,000

SHAH ALAM - Agihan bantuan RM1,000 kepada 939 sekolah di seluruh Selangor sebagai dana pengurusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dijangka selesai pada akhir bulan ini.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata semua sekolah kelolaan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan menerima bantuan tersebut.

"JPN Selangor akan keluarkan pekeliling berkenaan dokumen yang perlu PIBG sertakan seperti penyata bank kemudian akan diserahkan kepada MBI.

"Kita akan kumpulkan semua dokumen itu dan membuat pelarasan. Kita

jangka pembayaran kepada 939 PIBG selesai menjelang hujung Julai," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 28 Jun.

Baru-baru ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan bantuan RM1,000 kepada 939 sekolah seluruh negeri ini sebagai dana pengurusan PIBG.

"Amaun mungkin tidak banyak tetapi saya rasa ia pengenalan dan suai kenal yang bagus untuk kita buat banyak jaringan dan memastikan PIBG berfungsi dengan baik.

"Jika persatuan berfungsi dengan baik akan banyak membantu pelajar dan guru terutama daripada segi pembelajaran anak-anak itu sendiri," katanya.



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor (melalui Sistem Tender Online Negeri Selangor 2.0 - <https://tender.selangor.my>) serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan berpengalaman dalam melaksanakan bidang-bidang yang dicadangkan seperti berikut :

NO. / TAJUK TENDER	MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
PWNSEL/DT01/2023 TENDER BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERKAKASAN ICT SECARA SEWAAN UNTUK PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR TEMPOH TIGA (3) TAHUN BERMULA TAHUN 2023 HINGGA 2026	Melalui Laman Web Sistem Tender Online Negeri Selangor : https://tender.selangor.my Tarikh Jualan : 23 Jun 2023 hingga 18 Julai 2023, pada jam 12.00 tengahari Harga : RM 50.00 senaskah (Bayaran tidak akan dikembalikan)	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210109 Dan Berdaftar dengan Kerajaan Negeri Selangor (melalui Sistem Tender Online Negeri Selangor 2.0 - https://tender.selangor.my)	18 Julai 2023 pada jam 12.00 tengahari Tawaran yang lewat diterima TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

Pembelian dokumen tender hendaklah dibuat secara atas talian menerusi **Sistem Tender Online Negeri Selangor** di alamat URL: <https://tender.selangor.my>. Sebarang transaksi bagi pembelian dokumen tender adalah menggunakan kemudahan kad kredit dan perbankan Internet (FPX). Segala bayaran tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditanda dengan Kod Tender: **PWNSEL/DT01/2023** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Peti Tender
Bahagian Khidmat Pengurusan
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

Unit Teknologi Maklumat - 03-55447223/7230, Bahagian Khidmat Pengurusan - 03-55447913/7205



GOL... Tonggak Selangor FC Yohandry Orozco (tengah) menghasilkan jaringan kedua Red Giants ketika menewaskan Kuching City FC 2-1 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 3 Julai. Foto Facebook Selangor FC

Penduduk Selangor paling ramai bersukan

1.3 juta orang amal gaya hidup sihat

Oleh **AFFEEQA AFEERA**

SHAH ALAM - Seramai 1.3 juta rakyat Selangor mengamalkan gaya hidup aktif, paling ramai bersukan dan bersenam di negara ini, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dapatan itu hasil bancian 16.1 juta responden yang menjawab soalan kebergasan Banci Malaysia 2020, dengan

8.7 juta penduduk terlibat dalam kegiatan tersebut, lapor Sinar Harian.

Johor tempat kedua dengan 1.2 juta orang. Kedua-dua negeri tersebut menyumbang 2.5 juta atau 28.5 peratus daripada 8.7 juta penduduk yang bersenam.

"Petaling, Johor Bahru dan Kinta adalah daerah pentadbiran yang paling aktif, masing-masing mencatat 445.9 ribu, 392.5 ribu dan 339.2 ribu penduduk

melakukan aktiviti fizikal.

"Sebanyak 62.4 peratus daripada 8.7 juta penduduk melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti fizikal, 22.8 peratus (dua aktiviti) manakala 14.8 peratus (tiga aktiviti atau lebih)," menurut DOSM pada 28 Jun.

Sebanyak 80 peratus responden juga menyatakan tempat kediaman dilengkapi taman permainan dan padang bola menjadi faktor penyumbang.

Atlet SUKMA sertai basikal lasak

SHAH ALAM - Seramai 100 peserta menguji kemampuan dalam kejohanan basikal lasak Cabaran XCO AU2 Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 24 Jun.

Kejohanan anjuran bersama MPAJ dan Fun D Cycle Point di trek Mountain Bike (MTB) AU2, Ampang Jaya itu diadakan demi menyokong minat peserta sukan basikal lasak.

Menurut kenyataan bahagian perhubungan awam dan sekretariat MPAJ kejohanan tersebut juga sebagai platform untuk atlet sukan basikal lasak terus mengasah bakat mereka.

"Kejohanan ini juga diadakan untuk

mempelbagaikan aktiviti kesihatan anjuran pihak majlis pada masa yang sama mengoptimalkan kemudahan trek MTB yang telah disediakan.

"Kejohanan kali ini mendapat perhatian ramai atlet Sukan Malaysia (SUKMA) sekali gus menjadikan kejohanan ini sebagai platform untuk terus melahirkan lebih ramai pelapis sukan negara khususnya dalam sukan basikal lasak," kata kenyataan itu.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan dan setiap pemenang tempat pertama hingga kelima menerima hadiah wang tunai antara RM10 hingga RM500.

Dalam acara itu, kategori lelaki bawah 12 tahun dimenangi Afiq Zafran manakala bagi kategori wanita bawah 12 tahun, Lelaki Bawah 15 tahun dan Lelaki Bawah 18 tahun masing-masing dimenangi Fariha Afina (MSN Terengganu), Daeing Rauzan Putra (Singapura) dan Sheikh Harith (Awey Pedal Team).

Kategori Lelaki Master A dimenangi Muhd Zukri Mohd Tahir (Awey Padel Speed Factory) diikuti kategori Lelaki Master B, Wanita Terbuka (Elite) dan Lelaki Terbuka (Elite) masing-masing dimenangi Muhd Edham (Amaniz), Nur Assyira Zainal dan Riyadh Hakim Lukman (Singapura).

Penyerang Ghana import baharu

SHAH ALAM - Selangor FC mengikat penyerang Ghana Richmond Boakye-Yiadom sekali gus melengkapkan kuota pemain import kesembilan musim ini.

Boakye yang pernah beraksi di Eropah bersama beberapa kelab ternama seperti Red Star Belgrade, Elche FC dan Sassuolo FC akan menyarung jersi nombor sembilan.

"Saya akan berlatih bersungguh-sungguh, berikan komitmen yang besar kepada pasukan untuk mendapat kemenangan bersama. Bagi saya tanpa peminat, tidak wujudnya pasukan. Saya di sini untuk menjadi sebahagian daripada peminat dan kelab. Untuk mencipta sejarah dan meninggalkan legasi," katanya pada 28 Jun.

Aaron-Wooi Yik calon olahragawan

SHAH ALAM - Juara bertahan badminton beregu lelaki dunia Aaron Chia-Soh Wooi Yik antara calon Olahragawan Kebangsaan pada Anugerah Sukan Negara 2022 yang dijadualkan 17 Julai ini, lapor Berita Harian.

Menurut senarai akhir pencalonan yang dikeluarkan Majlis Sukan Negara, pasangan itu dicabar dua pemenang emas angkat berat Sukan Komanwel 2022 iaitu Mohammad Aznil Bidin dan Mohamad Aniq Kasdan serta jaguh bina badan negara Datuk Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah dan juara Kejohanan Snuker Amatir Dunia Lim Kok Leong.

Bagi kategori Olahragawati Kebangsaan menampilkan pemenang dua pingat emas gimrama Sukan Komanwel 2022 Ng Joe Ee, ratu terjun Datuk Pandelega Rinong, Nur Dhabitah Sabri (terjun), Nur Ain Syuhada Mohd Asri (petanque) dan Nur Amisha Azrilrizal (muay thai).

Wajib sertai kursus doping

SHAH ALAM - Semua atlet negara yang bakal bertanding di Sukan Asia Hangzhou September ini wajib menjalani kursus dalam talian bersama Anti Doping Education and Learning (ADEL).

Pengarah Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) Azura Bidin berkata perkara itu syarat wajib yang ditetapkan Majlis Olimpik Asia (OCA) kepada semua atlet yang perlu memperoleh sijil daripada kursus terbabit sebelum beraksi di temasya itu, lapor Berita Harian.

"ADAMAS diminta untuk mengemaskini data-data ini kepada pihak sekretariat di OCA supaya mereka tahu atlet yang nak pergi ke Sukan Asia telah ikuti kursus ini.

"Sekarang telah mula (kursus) ini, ADAMAS bersama MSN (Majlis Sukan Negara) dan ISN (Institut Sukan Negara) bekerjasama dan kita pastikan mereka terima sijil sebelum mereka bertolak," katanya pada 3 Julai.



NG SUEE LIM
Sekinchan

bermesra dengan orang ramai di pekan Tanjung Karang, Kuala Selangor

IR IZHAM HASHIM
Pandan

membantu kariah di Surau An-Nur, Taman Cempaka, Ampang Jaya



BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat

menyerahkan sumbangan kepada penduduk di Kampung Kundang, Kuala Langat

DATO' SHAMSUDIN LIAS
Sungai Burong

meninjau Jualan Ehsan Rahmah di Surau Kampung Bagan Pasir, Kuala Selangor



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

menyampaikan hadiah sempena kejohanan sukan di Sekolah Kebangsaan Pulau Indah, Klang

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

bersama warga emas ketika program riadah di Petaling Jaya



ROZANA ZAINAL ABIDIN
Permatang

mengedar kit pengurusan jenazah kepada wakil masjid di Kuala Selangor

AHMAD MUSTAIN OTHMAN
Sabak

bergotong-royong bersama sukarelawan di Bagan Terap, Sabak BERNAM



Naik taraf jalan kurangkan kes nahas

SHAH ALAM - Jalan Teluk Piah Kanan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati akan dinaik taraf mulai suku ketiga tahun ini bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Penyandang DUN berkenaan Juwairiya Zulkifli menjelaskan kerja baik pulih tersebut dibuat memandangkan nahas kerap berlaku di kawasan berkenaan.



"Kita sasarkan bagi kerja awalan untuk jangka pendek menelan kos berjumlah RM500,000 dan siap dalam tempoh setahun," katanya di Facebook pada 2 Julai.

Beliau menambah projek tersebut dimasukkan ke Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) membatik kos RM14.6 juta yang akan dijalankan Jabatan Kerja Raya (JKR)

Selangor untuk jangka panjang.

Pada 22 Jun, beliau turut meninjau jalan berkenaan bersama Jurutera JKR Daerah Kuala Selangor Ir Hafidzan Idris.

Dalam belanjawan tahun ini, dana RM145 juta disediakan untuk meningkatkan sistem jaringan jalan raya bagi memberi keselesaan kepada pengguna yang kian bertambah.

Sebanyak RM40.98 juta turut diagih kepada JKR untuk membina jalan baharu di beberapa lokasi.

Lancar Madani Afiat 9 Julai di Batu Caves

SHAH ALAM - Gotong-royong Mega Perangi Aedes 1.0 dan 'One Hour Malaysia Clean Up' peringkat kebangsaan antara program besar yang mewarnai Pelancaran Madani Afiat di Batu Caves, Gombak.

Bermula jam 7 pagi hingga 2 petang pada 9 Julai, program anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia itu bertempat di Dewan Rakyat Batu Caves.

Pelbagai acara menarik disediakan seperti permainan e-sukan, Sony PlayStation 5 (PS5) dan PS4 serta VR PlayStation.

Pengunjung juga boleh menyertai program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan bagi mengesan kes penyakit yang tidak berjangkit (NCD) secara percuma selain saringan barah pangkal rahim dan payudara pada hari sama.

Sempena gotong-royong itu, turut diedar aerosol, pencuci dan cecair pembasmi kuman.

Tumpu selesai program rakyat

SHAH ALAM - Beberapa program kebajikan dirancang untuk rakyat meskipun Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor sudah terubur.

EXCO Pembangunan Modal Insan Mohd Khairuddin Othman berkata program yang diluluskan sebelum ini akan dilaksanakan sebelum tarikh penamaan calon.

"Masih ada beberapa program besar yang kita sedang usahakan. Antaranya Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE), marhaban wanita dan program untuk belia.

"Semuanya akan berjalan seperti biasa sehingga penamaan calon. Saya juga sudah arahkan agensi terlibat untuk selesaikannya sebelum hari tersebut," kata penyandang DUN Paya Jaras.

RM20,000 baiki pusat operasi Rela

SHAH ALAM - Sebanyak RM20,000 diperuntuk bagi membaik pulih pusat operasi Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) Sungai Ramal Luar menerusi projek Selangor Penyayang.

Penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) itu Mazwan Johar berkata pembaikan berlangsung antara 10 Mei hingga 10 Jun meliputi bumbung, lantai konkrit, siling dan cat bangunan.

"Pusat Operasi Rela Sungai Ramal Luar telah memohon bantuan untuk baik pulih bangunan ini yang dijadikan pusat operasi setelah sekian lama dan kita luluskan.

"Ini satu lagi usaha bakti untuk kemudahan agensi yang berkhidmat kepada rakyat dalam kawasan ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih baik serta selesa," katanya pada 30 Jun.

Turut ganti perabot sekolah

Turap laluan enam kawasan DUN Meru

Oleh **NINA FARZUIN MD SHAROM**

SHAH ALAM - Sebanyak RM300,000 diperuntuk bagi kerja menurap jalan melibatkan enam lokasi sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru menerusi projek Selangor Penyayang.

Penyandang DUN itu Mohd Fakhru-razi Mokhtar berkata setiap satu laluan menelan kos RM50,000 hasil kerjasama Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Klang dan Pejabat Daerah Klang.

Beliau menambah laluan berke-

naan membabitkan lokasi di Surau Darul Makmur Persiaran Hamzah Alang, Pasar Jumaat, Kampung Meru dan Jalan Pusara di tanah perkuburan Islam Meru.

Katanya, tiga lagi lokasi ialah Jalan Persiaran Hamzah Alang di Sekolah Kebangsaan Meru, Dataran K Kapar dan jalan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vallambrosa Sungai Kapar Indah.

Mohd Fakhru-razi gembira berikutan hampir semua isu prasarana selesai



kecuali aduan melibatkan kawasan persendirian sepanjang lima tahun berkhidmat di DUN berkenaan.

Beliau berkata pihaknya turut menyalur dua sumbangan bagi menambah baik prasarana sekolah menerusi peruntukan RM50,000 bagi setiap projek.

"Kita juga salur peruntukan kepada sekolah seperti pembaikan padang Sekolah Kebangsaan Methodist Kapar dan penggantian perabot dan meja Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah.

Pasang lampu LED untuk kemudahan

SHAH ALAM - Sebanyak 13 lampu diod pemancar cahaya (LED) berkuasa solar dipasang di beberapa lokasi sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Morib menerusi projek Selangor Penyayang.

Penyandangnya Hasnul Baharuddin menjelaskan tiga kawasan kampung menerima manfaat antara-



nya Jalan Serdang di Sungai Buaya, Jalan Batu 6 Kampung Kelanang Dan Jalan Kampung Tali Air.

"Semua lampu solar ini demi kemudahan penduduk setempat. Dengan pencahayaan jalan yang lebih baik, risiko kemalangan berkurangan," katanya menerusi Facebook pada 30 Jun.

Peruntukan RM5 juta disediakan untuk pemasangan lampu solar di seluruh

negeri bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

Pemasangan fasa pertama yang bermula November tahun lalu selesai pada Disember melibatkan 31 DUN diikuti fasa kedua bermula Mac tahun ini.

Dalam belanjawan negeri, dana RM28 juta diperuntuk bawah projek Selangor Penyayang bagi merencanakan ekonomi setempat melalui penyediaan projek kecil demi manfaat rakyat setempat.

AHLI DEWAN NEGERI HULU KELANG

SAARI SUNGIB

● **Umur:**
65 tahun

● **Falafah hidup**
Hidup itu adalah memberi, menerima untuk terus memberi


● **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Perunding pengurusan organisasi dan kepimpinan

● **Alamat pejabat ADN:**
No 6A, Jalan AU 2A, Taman Sri Keramat, 54200 Kuala Lumpur

● **Nombor telefon ADN:**
03-4260 2205

● **E-mel:**
saarisungib@selangor.gov.my

● **Facebook:**
Saari Sungib





Tiada keputusan naikkan tarif air

SHAH ALAM - Tiada keputusan untuk menaikkan tarif air di Selangor bagi mengelakkan rakyat terbeban, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan tarif kemudahan itu perkara dasar yang memerlukan keputusan serta kelulusan Kerajaan Negeri dan tiada ketetapan dibuat setakat kini.

"Fokus utama pentadbiran ini adalah untuk menyokong usaha kelangsungan ekonomi rakyat dan bukannya membebankan rakyat," katanya dalam kenyataan pada 4 Julai.

Sebaliknya, Amirudin menegaskan Kerajaan Negeri sentiasa memastikan sistem penyaluran air kepada lebih 8.4 juta penduduk negeri ini, Kuala Lumpur dan Putrajaya terus diperkukuh.

Kenyataan itu mengulas laporan media yang mendakwa tarif air di Lembah Klang mungkin naik tahun ini bagi memastikan keseimbangan antara hasil dan perbelanjaan syarikat pengurusan air.

Promosi program kebijakan rakyat

SHAH ALAM - Jualan barangan asas murah, Jualan Ehsan Rahmah (JER) dan saringan kesihatan percuma antara inisiatif Kerajaan Negeri yang dipromosi di Karnival Perpaduan Madani Kita Selangor pada 7 Julai.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) berkata program kebijakan lain ialah edaran Kupon PLATS Rahmah, Skim Mesra Usia Emas dan Skim Insurans Hayat Selangor.

"Karnival ini pameran kejayaan Kerajaan Negeri sejak 2018. Orang ramai digalakkan hadir kerana kita ada hadiah motosikal untuk cabutan bertuah," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 5 Julai.

Program mulai jam 3 petang hingga 8 malam itu berlangsung di Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi (berhadapan Hotel Tenera).



Abdul Ghani mempengerusikan mesyuarat khas SPR bagi mengumumkan tarikh penamaan calon dan hari mengundi pilihan raya enam negeri di Putrajaya pada 5 Julai. Foto BERNAMA

Hari mengundi 12 Ogos

Pilihan raya negeri bermula 29 Julai

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 12 Ogos sebagai hari mengundi bagi pilihan raya negeri (PRN) di Selangor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Hari penamaan calon bagi keenam-enam negeri pula ditetapkan pada 29 Julai, sementara pengundian awal pada 8 Ogos dengan tempoh berkempen selama dua minggu.

Perkara tersebut diumumkan Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Ghani Salleh

dalam sidang media yang disiarkan secara langsung dari ibu pejabat suruhanjaya itu di Putrajaya pada 5 Julai.

"SPR telah menerima notis pembubaran rasmi Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan daripada speaker dewan masing-masing.

"Sehubungan itu, SPR mengadakan mesyuarat khas hari ini dan memutuskan satu PRU DUN Ke-15 hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi dewan," katanya.

Sementara itu, Abdul Ghani memak-

lumkan urusan undi pos luar negara ditutup pada 8 Julai, petugas pilihan raya, pegawai SPR, polis, tentera dan media (26 Julai), sementara agensi atau organisasi (11 Julai).

Kelantan terlebih dahulu membubarkan DUN pada 22 Jun, diikuti Selangor 23 Jun manakala Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu masing-masing pada 28 Jun dan Negeri Sembilan pada 1 Julai.

Sebanyak 56 kerusi bakal dipertanding di Selangor, Kelantan (45 kerusi), Pulau Pinang (40 kerusi), Kedah (36 kerusi), Negeri Sembilan (36 kerusi) dan Terengganu (32 kerusi).

Pilihan raya negeri Selangor

PILIHAN ANDA

PILIHAN TERBAIK

demi kemajuan ekonomi

demi perpaduan rakyat

demi kesejahteraan bersama

